



# فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.51 | SUBUH 5.01 | SYURUK 6.19 | DUHA 6.41 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 40

2 APRIL 2025 / 1446 شوال 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapat seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 27 - 28.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri**  
Maaf zahir & batin

## JUNJUNG ZIARAH AIDILFITRI CERMINAN KEMESRAAN RAJA DIKASIHI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.- Foto : Azmah Haji Ahad.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 April. - Pada hari pertama Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, hari ini telah menerima kunjungan seramai 36,167 pengunjung yang mana 21,106 pengunjung hadir pada sesi pagi dan 15,061 pengunjung hadir pada sesi petang.

Pada sebelah petang di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan

Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman; dan Menteri Negara, Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang Terutama Murali Pillai serta delegasi dari Republik Singapura. Di kesempatan ini,

Tuan-tuan Yang Terutama menyembahkan sembah ucapan Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

>> Muka 3



## Berita Utama



JUNJUNG ziarah Istana Nurul Iman memperkuat hubungan negara

Muka 13



SENTIASA bersyukur, elakkan pembaziran

Muka 14

## Kegembiraan Aidilfitri disertai kesyukuran, kepatuhan ajaran Islam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda bagi menuaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 10 hingga 11)



UMAT Islam di Daerah Temburong tunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri

Muka 15



JABATAN Penerangan : Harungi pelbagai cabaran galas tanggungjawab

Muka 29

RENCANA

# Syawal peluang terbaik mengeratkan perpaduan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Bismillahir Rahamanir Rahim  
Alhamdulillah Rabib 'Alameen, Wabihiee  
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya  
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.  
Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu  
Akbar, Walillahil Hamd.

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita semua dapat menikmati dan meraikan Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal yang mulia ini.

Hari Raya Aidilfitri adalah merupakan hari kemenangan bagi seluruh umat Islam setelah berjaya melakukan puasa Ramadan sebulan penuh.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam dalam perkara mengetahahkan keunikannya, terus mengekalkan perpaduan di antara penduduknya.

Malah dengan perpaduan itu menjadi pemangkin kepada ketamadunan bangsa.

Oleh itu, bulan Syawal menjadi peluang terbaik untuk kita mengeratkan lagi perpaduan yang sedia ada melalui hubungan silaturahim semua kita.

Sesungguhnya, pengukuhan silaturahim adalah tunjang utama kepada pembangunan sesebuah negara. Ia juga adalah paksi kepada pembentukan jati diri bangsa.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,  
Walillahil Hamd.**

Kemenangan yang kita raih pada hari ini, bukanlah untuk satu golongan yang bernasib

baik sahaja, tetapi kita juga dituntut untuk lebih prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

Oleh itu, kita tidak boleh menutup mata terhadap saudara-saudara seugama kita di seluruh dunia yang sedang bergelut dengan konflik dan penindasan. Sekurang-kurangnya, kalau pun bukan dengan bantuan mata benda tetapi dengan bantuan 'doa' pun adalah tetap menjadi kewajipan juga.

Dalam kemeriahian Aidilfitri ini, kita sewajarnya mengelakkan pembaziran dan sebaliknya banyak bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan. Inilah antara hikmah Ramadan dan Syawal untuk mengajar kita bagaimana menerapkan keprihatinan dan kesyukuran.

Maka atas dasar ini juga, hukum Zakat Fitrah dan Zakat Harta adalah mengajar kita bagaimana berkongsi rezeki di antara sesama kita dengan tidak mengabaikan golongan asnaf yang berhak menerima zakat.

Amalan mulia berkongsi rezeki melalui penunaian zakat, adalah merupakan syiar dan tanda kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya yang tidak putus-putus kepada kita.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,  
Walillahil Hamd.**

Beta ingin mengambil peluang di sini untuk menyeru seluruh warga Islam di negara ini untuk terus tekun melaksanakan amalan ibadat pada bulan-bulan seterusnya sebagai kesinambungan kepada bulan Ramadan.

Termasuk juga ibadat ialah pekerjaan dan tugasan kita sehari-hari. Ini juga jangan diabaikan. Kerana mengabaikannya bererti mengabaikan ibadat.

Sesungguhnya, melaksanakan tugasan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada Ahad, 30 Mac 2025 di Istana Nurul Iman sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.**

dan pekerjaan yang diamanahkan, juga mampu untuk membuka pintu rahmat mengundang rezeki yang halal dan berkat untuk kita dan negara.

Akhirnya, beta dan seluruh ahli kerabat beta sukcita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka

berada, semoga kita semua sama-sama berada dalam keadaan sejahtera, sihat walafiat dan selamat di bawah naungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## SIDANG PENGARANG

### Kemaafan, zahir ketakwaan, keimanan

**S**ETIAP manusia di muka bumi ini pasti tidak akan terlepas daripada membuat kesalahan walaupun hanya sekecil zarah. Tiada siapa yang sempurna kerana manusia bukannya bersifat maksum sepertimana para nabi.

Apa pun, jika sudah melakukan kekhilafan, jalan terbaik untuk menebus kesalahan itu dengan cara meminta maaf kepada tuan punya badan. Kadangkala apabila permohonan maaf dibuat, namun tiada jawapan balas daripada individu berkenaan.

Benar, memberi maaf bukan perkara yang mudah. Barangkali dek 'makan dalam' hingga seseorang itu sukar melupakan walaupun tidak menyimpan dendam. Dalam Islam, Allah Subhanahu Wata'ala begitu memuliakan mereka yang memaafkan orang lain.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Dan Allah tidak menambah kepada seseorang hamba dengan sebab kemaafan yang diberikan (kepada orang lain), melainkan kemuliaan kepadanya dan tiada merendah diri seseorang itu melainkan Allah akan mengangkatkan darjatnya". (Riwayat Muslim)

Memberi kemaafan akan membuat perasaan orang yang memohon kemaafan akan terasa lebih tenang malah lebih daripada itu kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan turut sama menurunkan ketenangan dan memuliakan mereka yang dengan ikhlas memberi kemaafan tersebut.

Agama Islam menuntut agar memaafkan orang lain kerana Islam itu sendiri merupakan agama perdamaian seperti petikan ayat dari Surah al-A'raf, ayat 199 yang bermaksud : "Jadilah pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta jangan mempedulikan orang-orang yang jahil".

Sesungguhnya memaafkan orang lain turut tergolong sebagai mereka yang bertakwa dan ia juga merupakan sifat tertinggi mereka yang beriman.

Di samping memberi kemaafan Islam menganjurkan umatnya untuk tegur-menegur dan nasihat-nasihati di samping menegur dengan nada yang lembut turut disarankan menggunakan bahasa yang lembut agar mereka yang menerimanya dapat memahami mesej sebenar teguran yang hendak disampaikan iaitu teguran ikhlas dengan akal fikiran dan hati yang harmoni serta bukannya berbentuk emosi kemarahan serta mengelakkkan daripada mendedahkan aib seseorang dengan memberi teguran di tempat terbuka yang tidak sesuai.

Pada zaman kemajuan sains dan teknologi kini, melafazkan maaf boleh saja dizahirkan menerusi media aplikasi dan peralatan pintar. Ia bukan sahaja terhad daripada individu kepada individu lain malah lebih daripada itu iaitu daripada individu kepada kumpulan sasaran yang lebih besar secara terbuka atau sebaliknya.

Bertepatan pada Hari Raya Aidilfitri ini, marilah kita sama-sama muhasabah diri dan memohon kemaafan atas segala perkara yang tidak disengajakan atau tidak disedari dan seterusnya menjalani liku-liku harian dengan penuh harmoni dan sejahtera di bawah reda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (ZK)

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	3	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	KHAMIS	4	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	JUMAAT	5	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	SABTU	6	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	AHAD	7	4.50	5.00	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
7	ISNIN	8	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	SELASA	9	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Wallahuwal Bissawab	www.mef.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Junjung ziarah Aidilfitri cerminan kemesraan raja dikasih



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan Menteri Negara, Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang Terutama Murali Pillai serta delegasi dari Republik Singapura. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

## >> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja kemudiannya berkenan menerima junjung ziarah yang terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam dan orang

ramai.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menerima junjung ziarah pengunjung lelaki ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah (atas dan atas kanan).



**ANTARA** ribuan pengunjung yang berpeluang untuk hadir di Istana Nurul Iman sempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas, atas kanan, kanan dan kanan sekali).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berserta kerabat diraja.

## >> Muka 4





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negeri (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

### >> Muka 3

Sepertimana lazimnya pada tahun-tahun sebelumnya, lebih-lebih lagi setelah Majlis Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman ditutup akibat berlakunya penularan pandemik COVID-19 beberapa tahun lalu,

peluang keemasan seumpama itu sememangnya amat dinanti-nantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dan tidak ketinggalan kepada pelancong-pelancong asing mengabdiakan peluang bersemuka dengan raja yang

dikasih berserta kerabat diraja yang akan diabadikan sepanjang hayat.

Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya

Aidilfitri 1446H / 2025M tersebut mencerminkan sifat kemesraan Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain beramah mesra serta berinteraksi bersama para

pengunjung dengan penuh ketulusan dalam mengukuhkan hubungan serta melahirkan rasa muhibah tanpa mengira bangsa dan agama.



**PARA** pengunjung berasa riang gembira dapat menikmati suasana meriah dan juadah yang disediakan berserta cenderahati yang diterima pada hari pertama Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman (bawah, bawah kanan, bawah kanan sekali).



# RIBUAN RAKYAT JUNJUNG ZIARAH BERSAMA RAJA YANG DIKASIHI



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam berserta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

## BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 1 April. - Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam berserta kerabat diraja merupakan suatu kesempatan yang sangat dinantikan setelah lima tahun ditiadakan sejak wabak COVID-19 melanda dunia

ketika itu.

Sehubungan itu, hari pertama Istana Nurul Iman dibuka hari ini mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dengan menerima kunjungan seramai 21,106 pengunjung hadir pada sesi pagi.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menerima junjung ziarah daripada para pengunjung lelaki pada sebelah pagi yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Sementara itu, di ruang istana yang lain pula, berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada para pengunjung wanita ialah Yang Teramat Mulia Paduka



Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan cucunda-cucunda baginda serta kerabat diraja yang lain.



ANAKANDA-anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah ketika berkenan menerima junjung ziarah (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 6



SEKITAR Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada hari pertama di Istana Nurul Iman (kanan sekali dan kanan).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).

#### >> Muka 5

Majlis Junjung Ziarah di Istana Nurul Iman yang dibuka kembali kepada orang ramai selama dua hari pada Hari Raya Kedua dan Hari Raya Ketiga ini mencerminkan keprihatinan,

kemesraan dan ketulusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri untuk sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri

bersama orang ramai pada tahun ini, di mana majlis ini merupakan momen yang sangat dinanti-nantikan oleh para pengunjung dalam dan luar negara, lebih-lebih lagi setelah Majlis Junjung Ziarah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman ditutup akibat berlakunya penularan pandemik COVID-19 beberapa tahun yang lalu.

Majlis ini juga memberikan

peluang keemasan kepada seluruh lapisan masyarakat untuk sama-sama berkongsi kegembiraan dan kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, dengan mengadap, berjunjung ziarah dan beramah mesra serta untuk menyembahkan sambah ucapan Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sebelum memulakan Majlis Junjung Ziarah, para pengunjung terlebih dahulu menikmati beraneka juadah jamuan yang disediakan. Sifat pemurah dan dermawan Kebawah DYMM yang juga berkenan mengurniakan duit raya kepada kanak-kanak tidak mengira bangsa dan agama, di samping cenderahati serta kad ucapan Hari Raya baginda akan tetap menjadi kenangan abadi kepada setiap pengunjung.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah (atas dan kanan).



PARA pengunjung menikmati beraneka juadah jamuan yang disediakan (kiri), manakala gambar bawah tengah, cenderahati serta kad ucapan Hari Raya diaghikhan kepada para pengunjung. Sementara gambar bawah kanan dan bawah kiri, para pengunjung yang hadir pada majlis berkenaan.



# KONGSI KEGEMBIRAAAN HARI RAYA BERSAMA PEMBESAR NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /  
Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji  
Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 31 Mac. - Kemeriahannya 1 Syawal diraikan dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan oleh seluruh umat Islam di mana Aidilfitri disambut sebagai perayaan kemenangan dalam mengukuhkan lagi ukhuwah sesama insan melalui tradisi berkunjung-kunjungan serta amalan hulur tangan bersalam-salam tanda memohon kemaafan dan keampuan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja dirasakan oleh umat Islam secara khususnya malah mereka yang berlainan agama

turut sama merasakan kemeriahan sambutan ini dengan berkongsi kegembiraan bersama-sama sambil mengukuhkan lagi hubungan dan rasa muhibah.

Sehubungan itu, kegembiraan dan kesyukuran menyambut Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi ini turut dikongsikan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja pada Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri daripada para pembesar negara serta diplomat dari negara-negara sahabat yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja pada Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri daripada para pembesar negara serta diplomat dari negara-negara sahabat yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, apabila baginda berdua berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri daripada para pembesar negara yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri

Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para diplomat serta perwakilan asing di negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap dan para pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 8



**KEBAWAH DULI YANG MHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KEBAWAH DULI YANG MHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BERANGKAT KE MAJLIS BERKENAAN.** Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.



TURUT berangkat, paduka-paduka adinda dan anakanda baginda (kiri, tengah dan kanan).



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berangkat ke majlis tersebut.**

#### >> Muka 7

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta cucunda-cucunda baginda dan kerabat diraja.

#### >> Muka 9



**TURUT berangkat, cucunda-cucunda baginda serta kerabat diraja yang lain (atas kiri dan atas kanan), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang turut berangkat dan hadir ke majlis tersebut.**





#### >> Muka 8

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima sembah ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan berinteraksi mesra dengan para tetamu baginda.

Setentunya, peluang bersua muka dan merafakkan sembah Selamat Hari Raya Kehadapan Majlis baginda sekeluarga dalam kalangan para diplomat juga perwakilan asing ke negara ini pastinya akan memberikan kenangan dan pengalaman yang

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berinteraksi dengan para tetamu baginda (atas dan kiri).



manis buat mereka, bahkan merupakan satu pengalaman yang jarang ditemui di negara-negara lain.

Pada majlis berkenaan, para tetamu turut dihidangkan dengan pelbagai juadah yang enak memeriahkan lagi suasana Sambutan Aidilfitri kali ini selain keindahan lampu-lampu neon dan dekorasi menarik yang menyerikan lagi ruang Istana Nurul Iman.

Pertemuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima sembah ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kali ini selain keindahan lampu-lampu neon dan dekorasi menarik yang menyerikan lagi ruang Istana Nurul Iman.

Dalam masa yang sama, para pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat juga berpeluang untuk beramah mesra dengan rakan sejawat yang berada pada majlis berkenaan.

Peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman mengadap dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis baginda dan kerabat diraja melalui hari kemenangan ini juga merupakan satu kesempatan

yang sentiasa dinanti-nantikan oleh para pembesar negara lebih-lebih lagi para diplomat asing di negara ini yang pertama kali berpeluang merayakan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman dan berinteraksi bersama raja yang dikasihi dan dihormati serta bersua secara dekat bersama baginda.

Sememangnya kunjungan ini akan menjadi ingatan manis dan lipatan sejarah sepanjang mereka berkhidmat di negara ini.

Dengan adanya 'Istana Terbuka' bagi pembesar-pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat jelas menunjukkan keikhlasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkongsi rasa syukur dan gembira bersama para tetamu selain sebagai pemimpin yang berjaya rakyat.

Sementara itu, sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446H, Istana Nurul Iman juga akan dibuka selama dua hari iaitu Hari Raya Kedua dan Hari Raya Ketiga bagi membolehkan orang ramai mengadap dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan.



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan beramah mesra bersama tetamu yang hadir (kiri sekali dan kiri).

# KEGEMBIRAAAN AIDILFITRI DISERTAI KESYUKURAN, KEPATUHAN AJARAN ISLAM



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 31 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan berangkat bersama dengan umat Islam dan rakyat baginda di negara ini bagi menuaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri

Begawan, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda bagi menuaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas dan atas kiri).

Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)

di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

>> Muka 11



JEMAAH yang hadir sama bagi menuaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (kiri dan kiri sekali).



#### >> Muka 10

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Manakala Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Penolong Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Penolong Pengarah PDI dalam khutbah pertamanya mengingatkan bahawa Hari Raya Aidilfitri adalah anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala setelah umat Islam menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Menurutnya, ia bukan sekadar hari untuk bergembira tetapi juga satu peringatan agar kita terus beristiqamah dalam amal ibadah.

Beliau seterusnya menegaskan akan pentingnya menjaga solat fardu, menjauhi pembaziran dan menghindari perkara-perkara yang

melaikaikan. Kegembiraan menyambut Aidilfitri hendaklah disertai dengan kesyukuran dan kepuahan kepada ajaran Islam.

Dalam khutbah keduanya, Awang Haji Ahmad Abdussalam menzhirkan rasa keprihatinan terhadap penderitaan umat Islam, khususnya saudara-saudara kita di Palestin yang terus ditindas.

Beliau menyeru agar umat Islam tidak melupakan mereka dalam doa dan bantuan.

Sebagai tanda solidariti, beliau menjelaskan kita dianjurkan untuk menghulurkan sumbangan dan memperbanyakkan doa agar Allah memberi kemenangan dan kesejahteraan kepada mereka.

Selain itu, beliau turut mengingatkan tentang kewajipan Zakat Fitrah sebagai salah satu cara membantu golongan yang memerlukan, melambangkan keprihatinan dan persaudaraan sesama umat Islam.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diadakan di masjid-masjid utama, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bermula jam 7.30 pagi.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah setelah selesai menuanakan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.



SUASANA Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan)

# PERKUKUHKAN SILATURAHIM ANTARA RAJA, RAKYAT



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

tah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat berharga dan menjadi panduan dalam memperkuuhkan semangat perpaduan, kasih sayang dan keharmonian dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya dalam kalangan generasi muda dan warga pendidikan.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat juga menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan kembali Majlis Junjung Ziarah Hari Raya di Istana Nurul Iman pada tahun ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, tradisi yang amat dirindui ini sudah tentu akan menyemarakkan lagi suasana Syawal dengan penuh kegembiraan dan keceriaan serta mengukuhkan ikatan kasih antara raja dan rakyat, yang menjadi asas kestabilan dan keharmonian negara.

Sementara itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin turut menyembahkan setinggi-tinggi ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja.

Menurut Yang Berhormat, titah baginda semalam amat berputatan di mana Kebawah DYMM mengingatkan tanggungjawab kita sebagai rakyat untuk sentiasa berkongsi harta yang kita miliki kepada mereka yang kurang bernasib baik dengan menunaikan zakat.

Tambah Yang Berhormat, insyaaAllah semoga ibadah bersedekah seperti bulan Ramadhan dan Syawal akan berterusan dan kita juga memperoleh berkat daripada doa orang-orang yang menerima zakat.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan rasa syukur atas peluang yang diberikan khususnya bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk

berkunjung ke Majlis Junjung Ziarah Hari Raya di Istana Nurul Iman setelah ia lima tahun tidak dibuka.

"Rakyat dan penduduk negara amat berbesar hati dan menanti-nantikan saat itu dan ia satu peluang bagi mereka untuk bersalaman dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah DYMM," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, sebagai menyahut seruan Titah Perutusan Khas sempena Hari Raya Aidilfitri 1446H Kebawah DYMM, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar pula menyatakan, Jabatan Daerah Temburong bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, agensi kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), serta masyarakat setempat akan terus berusaha untuk mengukuhkan budaya prihatin dan semangat kesukarelawanan dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Inisiatif-inisiatif seperti Program Bahagia Membahagiakan, Program Berdudun Meristik Khabar, penyampaian derma kepada anak-anak yatim serta bantuan kepada golongan kurang berkemampuan akan terus diperkasa demi memastikan tiada yang terpinggir dalam menikmati keberkatan rezeki dan kesejahteraan hidup," ujarnya.

Menyentuh mengenai Majlis Junjung Ziarah Hari Raya di Istana Nurul Iman yang kembali dibuka, beliau menjelaskan, salah satu keistimewaan majlis itu ialah rakyat berpeluang bersalaman dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Beliau menambah, majlis tersebut mencerminkan keharmonian dan kemesraan institusi diraja dengan rakyat, seiring dengan nilai konsep Melayu Islam Beraja (MIB). "Majlis ini bukan sekadar perayaan, tetapi mencerminkan nilai kasih sayang, keharmonian dan perpaduan yang menjadi teras dalam kehidupan rakyat Brunei," ujarnya.

"Ia juga melambangkan kepimpinan raja yang dekat dengan rakyat, sejajar dengan titah baginda yang sentiasa menekankan kebijakan rakyat dan kesejahteraan negara," ujarnya lagi.

Pada kesempatan itu, beliau

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin (kiri) dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar (kanan).

mewakili seluruh warga Daerah Temburong menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1446H, dengan tulus ikhlas mendoakan agar Kebawah DYMM serta seluruh kerabat diraja

sentiasa berada dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan yang baik, umur yang panjang serta kesejahteraan yang berpanjangan.

**Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat**

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

**K**ITA perlu bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat dan kurnia-Nya kerana kita dapat merayakan kedatangan Aidilfitri berjaya melalui segala ujian dan godaan dengan baik dan sempurna semasa mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan.

Aidilfitri pastinya lebih bermakna jika diraikan bersama orang yang tersayang. Berkumpul dengan mereka merupakan satu momen untuk dikenang. Dalam hal ini, ibu bapa adalah tempat utama yang dituju untuk menyambut hari yang mulia ini. Mereka merupakan sosok yang paling banyak berjasa dan berkorban dalam memastikan kehidupan kita sentiasa cukup demi masa depan kita.

Rebutlah peluang yang ada untuk kita mengerakkan hubungan silaturahim antara ibu bapa, keluarga dan sanak saudara. Ibu bapa merupakan insan yang paling gembira

dan pastinya, setiap anak mengharapkan restu dan keredaan ibu bapa masing-masing kerana keredaan mereka itulah yang menjemput keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abdullah ibn Umar, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya :

"Keredaan Allah itu bergantung kepada keredaan kedua orang tua dan kemurkaan Allah itu bergantung kepada marahahan kedua orang tua."

Justeru, ambillah peluang sementara mereka masih ada untuk kita terus mencerahkan bakti kepada mereka. Bersyukur bagi yang masih memiliki ibu bapa. Manakala bagi yang telah tiada, teruslah memperbaikkan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa dan menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh. Pemergian mereka bukan bererti tanggungjawab kita sebagai anak telah selesai, bahkan doa seorang anak itu

merupakan salah satu daripada amalan buat ibu bapa yang telah meninggal dunia.

Di Aidilfitri ini juga merupakan peluang untuk kita memperbaiki hubungan persaudaraan sesama kita. Pasti ada keterlanjuran yang dilakukan sama ada secara sedar mahupun tidak. Perbezaan pendapat dan perselisihan faham yang berlaku antara sesama manusia memang tidak dapat dielakkan kerana ia merupakan sunatullah yang tetap terselit di hati dan jiwa masing-masing.

Justeru, Aidilfitri merupakan saat terbaik untuk kita bermaaf-maafan. Semoga dengan jernihnya hubungan sesama kita akan membuka lembaran baharu dalam kehidupan yang lebih tenang dan saling sayang-menayangi, hormat-menghormati, hidup dalam kesepadan yang utuh yang diiringi rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam suasana kegembiraan menyambut Aidilfitri pula, jangan kita leka menunaikan kewajipan yang telah ditentukan terutamanya dalam mengerjakan

sembahyang fardhu lima waktu. Amalan kunjung-mengunjungi merupakan amalan yang baik namun ia mesti dikawal sebaiknya menurut perintah agama dengan membatasi pergaularan, memelihara aurat serta menjaga adab dan tingkah laku sebagai seorang Muslim.

Di samping itu, bersamahal kita berusaha melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal kerana fadilatnya yang amat besar sebagaimana Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Imam Muslim bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Barang siapa berpuasa Ramadhan, diikuti dengan puasa (sunat) enam hari di bulan Syawal, menyamai seperti berpuasa sepanjang tahun."

Harus diingat, Hari Raya bukanlah penamat kepada usaha kita melipatgandakan amal ibadah seperti mana yang kita lakukan dalam bulan Ramadan bahkan ia sebagai momentum penerus daripada kebaikan-kebaikan yang telah kita latih di bulan Ramadan untuk menuju ke hari akhirat kelak.

## Aidilfitri lebih bermakna

# HUBUNGAN NBD, REPUBLIK SINGAPURA TERUS DIPERKUKUKAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 1 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura akan terus mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara terutamanya dalam pelbagai aspek ekonomi dan juga melalui hubungan antara rakyat.

Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman menyatakan perkara tersebut ketika ditemu bual semasa Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, hari ini.

Hubungan antara NBD dan Republik Singapura menurut Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bermula daripada keikhlasan.

"Ini saya rasa salah satu perincian utama keistimewaan hubungan ini ialah keikhlasan antara kedua-dua buah negara. Keikhlasan daripada kedua-dua pemimpin," jelas TYT Dr. Mohamad Maliki.

Kongsi TYT lagi, hubungan ini dapat dilihat daripada pelbagai aspek terutamanya dalam hubungan ekonomi di mana Republik Singapura sudah mula mengimpor barang-barang dari NBD. Republik Singapura jelas TYT mula mengimpor bahan telur-telur

dan juga daging-daging lembu ke NBD.

TYT seterusnya berkata hubungan ini juga dapat dilihat melalui keterjaminan antara hubungan rakyat di mana Republik Singapura telah memperluaskan biasiswa untuk para penuntut dari NBD untuk belajar di Singapura.

Terdahulu, TYT Dr. Mohamad Maliki melahirkan rasa syukur dan teruja kerana dapat kembali ke NBD untuk bertemu dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain dan beraya bersama rakyat NBD buat kali yang ke-13.

"Ini menunjukkan perhubungan yang erat begitu baik dan unik antara NBD dan Republik Singapura dan terus menyambung lagi hubungan dan memperkuatkan lagi hubungan erat melalui lawatan ini," jelas TYT.



MENTERI di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman.

## Junjung ziarah Istana Nurul Iman memperkuuh hubungan negara



**BAKAL Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Kemboja ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chey Ratha.**

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja yang lain, seterusnya berinteraksi dan beramah mesra.

Perkara ini dapat disaksikan semasa Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi bersama para pembesar negara dan diplomat dari negara lain dan seterusnya menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain di Istana Nurul Iman di mana ia merupakan satu kenangan manis dan

**BAKAL Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan.**



jarang diperoleh di negara lain.

Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Kemboja ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chey Ratha ketika ditemui Pelita Brunei berasa sangat teruja dan gembira kerana berpeluang bersama-sama meraih Hari Raya Aidilfitri bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja yang lain.

Jelas Tuan Yang Terutama, ini merupakan kali pertama TYT menghadiri undangan ke majlis berkenaan dan sungguh terharu melihat kemeriahan suasana sambutan yang jelas penting kepada penduduk di NBD.

Sementara itu, bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, TYT Datuk Mohd. Aini bin Atan pula menjelaskan, ini merupakan kali pertama TYT meraikan Hari Raya Aidilfitri di NBD.

"Saya sungguh teruja berada di negara ini dan berpeluang beramah mesra dan junjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain kerana ia merupakan pengalaman manis bagi saya," ujar TYT.

Tambah TYT lagi, di samping

memberi peluang dan ruang kepada semua orang untuk datang berkunjung dan seterusnya berjunjung ziarah serta menikmati jamuan yang disediakan, ini adalah pendekatan yang sangat baik dan sangat disanjung oleh semua pihak dan TYT sendiri berasa bertuah kerana dapat sama-sama merasakan pengalaman dan nikmat meraikan Hari Raya di negara ini.

TYT mewakili Kerajaan Malaysia ingin menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain, dan seterusnya merafakkan doa semoga baginda serta kerabat diraja sentiasa sihat sejahtera.

Tidak lupa juga kepada seluruh rakyat baginda agar sentiasa bahagia, aman, damai dan makmur serta juga rakyat Malaysia yang berada di NBD.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, TYT Profesor Dr. Achmad Ubaedillah pula mezhahirkan rasa gembira kerana berpeluang bersua muka dan seterusnya menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain pada Hari Lebaran yang diraikan setahun sekali.

Tambah TYT, ia merupakan satu penghormatan kerana diundang ke Istana Nurul Iman dan TYT berasa begitu kagum melihat suasana kemesraan dan muhibah yang



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

terjalin di antara semua tetamu khas yang diundang.

TYT yang juga selaku wakil Kerajaan Republik Indonesia ingin menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain, seterusnya mendoakan semoga baginda serta kerabat diraja sentiasa sihat sejahtera dan juga seluruh rakyat baginda dan NBD sentiasa sejahtera, bahagia, aman, damai dan makmur.

Di samping itu, TYT juga sangat menghargai hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara yang sudah sekian lama terjalin.

**سورو هنجاي قر خدمت عوام**  
SURHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?



### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "... pada jawatan seluruh / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



**BARU**

# LAUNGAN TAKBIR BERGEMA DI DAERAH TUTONG



SALAH satu masjid yang menjadi tumpuan umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan kiri).

mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadan yang penuh berkat.

"Sewaktu berada di bulan Ramadan, kita dilihat melaksanakan ibadah-ibadah fardu dan sunat seperti Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih, bertadarus Al-Quran, Qiamullail, bersahur, memperbanyakkan bersedekah dan sebagainya.

Orang-orang yang beriman itu jelasnya, mereka yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga, yang ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa."

Dengan kedatangan 1 Syawal menurutnya, umat Islam di seluruh dunia daripada pelbagai bangsa dan peringkat umur, bersama-sama bertakbir, tahmid dan tasbih, sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadan yang penuh berkat.

Awang Abdul Hafiz seterusnya menegaskan, perjuangan untuk mewujudkan masyarakat bertakwa berkenaan menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam,

tanpa mengira latar belakang, kedudukan, bangsa dan pangkat serta darjah perlulah bergerak,

berjuang dan bersatu memperkuuh kesatuan umat

Islam.

Hari ini jelasnya lagi, kita

merakaikan Aidilfitri tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadan.

Menurutnya, didikan Ramadan yang mendisiplinkan diri kita sepanjang hari, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan yang berkualiti.

Didikan Ramadan tambahnya, yang telah kita lalui itu seperti melaksanakan tuntutan fardu mupun sunat, dan mengawal nafsu seperti menjadikan segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga, maksiat mulut agar tidak merosakkan ibadah puasa, semua itu telah dapat kita tempuh dengan didikan Ramadan berkenaan.

Oleh yang demikian tekannya lagi, segala didikan yang telah dilaksanakan sepanjang Ramadan berkenaan hendaklah diteruskan di bulan-bulan yang lain secara istiqamah, dan janganlah hanya di bulan Ramadan sahaja kita rajin beramal ibadat, manakala di bulan-bulan lain pula kita berasa malas untuk beramal ibadat.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG**, Isnin, 31 Mac. - Syawal yang dinanti-nanti oleh seluruh umat Islam kini sudah tiba setelah sebulan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Hari kemenangan dan kesyukuran bagi seluruh umat Islam ini, disambut dengan laungan takbir yang bergema di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Di Daerah Tutong, Sambutan Hari Raya Aidilfitri dimulakan dengan laungan takbir serta menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di daerah ini, seawal jam 7.00 pagi.

Salah satu masjid yang menjadi tumpuan umat Islam menunaikan

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Antara yang hadir, Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak turut sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di masjid berkenaan yang diimamkan oleh Pegawai Perantis Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abdul Kadiroshman.

Selesai menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Khutbah Aidilfitri disampaikan oleh Awang Abdul Hafiz, yang antara lain menggariskan mengenai kesan yang mendalam di lubuk hati kita sebagai orang yang beriman setelah menunaikan ibadah

puasa.

Tambahnya, kejayaan kita melalui Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini mudah-mudahan akan meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana sesungguhnya takwalah yang membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman.

Orang-orang yang beriman itu jelasnya, mereka yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga, yang ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa.

Dengan kedatangan 1 Syawal menurutnya, umat Islam di seluruh dunia daripada pelbagai bangsa dan peringkat umur, bersama-sama bertakbir, tahmid dan tasbih, sebagai tanda

## Sentiasa bersyukur, elakkan pembaziran

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Takwim Hijrah.

Di Daerah Belait, Sambutan Hari Raya Aidilfitri dimulakan dengan laungan takbir serta menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di daerah ini, seawal pukul 7.30 pagi.

Antara masjid yang menjadi tumpuan umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait. Lapisan masyarakat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan.

Selesai menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Khutbah Aidilfitri telah disampaikan oleh imam masjid berkenaan, antara lain mengongsikan pentingnya menjaga sembahyang fardhu, menjauhi pembaziran dan menghindari perkara-perkara yang melalaikan.

Kegembiraan menyambut Aidilfitri hendaklah disertai dengan kesyukuran dan kepatuhan kepada ajaran Islam. Sembahyang Sunat Hari Raya

**KHUTBAH** Aidilfitri disampaikan oleh imam masjid berkenaan (kiri), manakala gambar kanan dan bawah, antara yang hadir menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di Masjid Zainab, Lumut.

Aidilfitri turut juga diadakan di masjid-masjid utama, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bermula pukul 7.30 pagi.



**BELAIT**, Isnin, 31 Mac. - Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan umat Islam di seluruh dunia bagi menandakan berakhirknya bulan Ramadan setelah menjalani ibadat puasa. Hari Raya Aidilfitri bermula setelah anak bulan Syawal sabit kelihatan sejurus selepas merukyah anak bulan.

Dengan itu, seluruh umat Islam bertakbir dan bertahmid sambil memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala menandakan bermulanya bulan Syawal iaitu bulan ke-10 dalam

# UMAT ISLAM DI DAERAH TEMBURONG TUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT AIDILFITRI

Oleh : Marlinaawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**TEMBURONG**, Isnin, 31 Mac. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri diadakan oleh umat Islam di Daerah Temburong di semua masjid, surau dan balai ibadat dengan laungan takbir serta menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah pada pagi ini.

Antara masjid yang menjadi tumpuan di daerah berkenaan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Selepas laungan takbir, pelbagai peringkat lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak bersama-sama

menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di masjid berkenaan yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Awang Muhammad Syahmi turut menyampaikan Khutbah Aidilfitri yang antara lain menjelaskan bahawa kegembiraan yang kita rasakan pada hari ini adalah disebabkan oleh dua perkara.

"Pertama adalah gembira kerana pada hari ini kita telah berjaya menyelesaikan suatu tugas yang diamanahkan dan

SEMBAHYANG Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kanan dan bawah kiri).



melaksanakannya dengan sempurna, iaitu berpuasa di bulan Ramadan dan seterusnya dapat meningkatkan amal dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih, Tadarus Al-Quran, bersedekah, berikraftif dan Qiamullail untuk mendapatkan Lailatul Qadar, memperbanyakkan doa serta zikir dan sebagainya.

Kedua adalah kita berasa gembira kerana kita mendapat jaminan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah berjaya melaksanakan puasa di bulan Ramadan," ujarnya.

Dalam khutbah tersebut, beliau turut menekankan bahawa segala amalan dan didikan yang telah dilaksanakan oleh umat Islam sepanjang bulan Ramadan termasuk melaksanakan tuntutan fardu dan sunat serta mengawal nafsu daripada segala bentuk maksiat hendaklah diteruskan di bulan-bulan lain secara istiqamah.

جاین فرانچان ایکٹومی دن سلائیسٹک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

**Sila muat turun**

**PenggunaBijak**



## MINDA PEMBACA

### Elakkan pembaziran, budayakan amalan bersederhana

**P**EMBAZIRAN adalah satu masalah yang sering berlaku dalam kehidupan sehari-hari dan ia boleh memberi kesan buruk kepada individu, keluarga, serta negara secara keseluruhannya.

Untuk mengelakkan pembaziran, salah satu langkah yang boleh diambil adalah dengan membudayakan amalan bersederhana dalam segala aspek kehidupan. Amalan bersederhana bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran, malah turut membantu meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Pembaziran sering berlaku dalam bentuk penggunaan sumber yang berlebihan seperti makanan, air,

tenaga, dan bahan-bahan lain. Sebagai contoh, dalam konteks makanan, ramai yang membeli atau memasak lebih daripada keperluan mereka, menyebabkan makanan yang masih elok terbuang begitu sahaja.

Dalam hal ini, amalan bersederhana dapat memastikan kita hanya menggunakan apa yang diperlukan, sekali gus mengurangkan pembaziran makanan yang memberi impak kepada alam sekitar dan ekonomi negara.

Selain itu, budaya bersederhana juga boleh diterapkan dalam penggunaan tenaga, air dan bahan-bahan lain. Dengan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik, kita bukan sahaja dapat menjimatkan kos, malah turut

menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar. Contohnya, mematikan barang elektrik apabila tidak digunakan, atau mengurangkan penggunaan air ketika mandi dan mencuci, adalah langkah-langkah kecil yang boleh memberi impak besar jika diamalkan secara konsisten.

Amalan bersederhana juga boleh diterapkan dalam aspek gaya hidup dan perbelanjaan. Berbelanja secara berhemah dan tidak mengikut nafsu membeli barang yang tidak diperlukan adalah cara terbaik untuk mengelakkan pembaziran wang.

Masyarakat perlu sedar bahawa kesederhanaan dalam berbelanja dapat meningkatkan kualiti hidup, di samping menjamin kestabilan

kewangan jangka panjang.

Secara keseluruhan, untuk mencapai matlamat mengurangkan pembaziran, amalan bersederhana perlu diperaktikkan dalam kehidupan harian. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi juga kepada negara dalam usaha untuk memastikan kelestarian sumber alam dan menjamin kesejahteraan generasi akan datang.

**Nama : Mohammad Azrin bin Mohammed Asli  
No. K/P : 01-082XXX**

**Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Cabar Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025
- 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025
- 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025

#### Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi  
BND75**

SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA  
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ  
أَحْتَسَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT  
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا  
سِنَةً وَلَا نُوْمًّا لَمَّا مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي  
إِلَّا يَادِنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَعُودُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجْ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنَيِّ،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhandaku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْعَمْلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi mengagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

# Khutbah Khas Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi

## Khutbah Pertama

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

**D**i pagi yang mulia dan penuh keberkatan ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mentaati segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan perlindungan di dunia dan di akhirat.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Hari Raya adalah syiar. Syiar ertiaya tanda kebesaran atau tanda keagungan agama. Jadi, Hari Raya selaku syiar atau tanda kebesaran dan keagungan agama, mestilah ia dipelihara kehormatannya.

Dengan apakah cara kita memelihara syiar Hari Raya itu? Tentu sahaja kita akan menyambut dan meraikannya dengan perkara-perkara yang tidak menyalahi ajaran agama, seperti tidak membazir, tidak sampai melupakan kewajipan-kewajipan asasi seperti sembahyang fardu, di samping juga mengelakkan segala macam perkara mungkar.

Hari Raya adalah syiar suci. Cuma dua golongan makhluk sahaja yang dikurniakan dengan Hari Raya, iaitu makhluk malaikat di langit dan kita orang-orang Islam di bumi. Hari Raya bagi para malaikat mengikut satu pendapat, ialah Nisfu Syaaban dan Lailatulqadar, sementara Hari Raya bagi kita pula ialah Aidilfitri dan Aidiladha.

Sudah barang tentu para malaikat di langit akan menyambut dan meraikan Hari Raya mereka, sama sahaja dengan kita menyambut dan meraikan Hari Raya di bumi iaitu penuh dengan kegembiraan. Tetapi yang pasti, para malaikat menyambut dan meraikan Hari Raya mereka

# Hari Raya mengajar kita untuk berkongsi nasib

adalah dengan ketataan semata-mata, dengan tasbih yang tidak ada noktahnya, sementara kita pula kadang-kadang ada kalanya kita terbiasa kepada mungkar. Semoga dengan mengenali Hari Raya para malaikat ini, kita juga akan berhari raya dengan perkara-perkara yang boleh menjadi ibadat seperti ziarah-menziarahi, menghubungkan silaturahim dan lain-lain seumpamanya.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Hari Raya mengajar kita untuk berkongsi nasib sesama kita umat Nabi Muhammad. Golongan berada akan membantu golongan tidak berada. Golongan bernesib baik tidak akan melupakan golongan yang kurang bernesib baik. Caranya, kita telah disuruh untuk mengeluarkan Zakat Fitrah.

Ibadat zakat, lebih-lebih lagi Zakat Harta, adalah wadah untuk menyantuni golongan-golongan kurang bernesib baik yang terdiri daripada para asnaf yang berhak menerima zakat. Di sinilah indahnya Islam itu dalam mengatur kehidupan bermasyarakat. Semua orang kaya, adalah bank kepada umat.

Khatib sangat terharu apabila mendengar Titah Perutusan malam tadi, bahawa raja kita telah menekankan, kita ini tidak boleh menutup mata terhadap saudara-saudara seagama di seluruh dunia yang sedang bergelut dengan konflik dan penindasan. Sekurang-kurangnya menurut titah, jika pun bukan dengan bantuan mata benda, tetapi dengan bantuan doa pun adalah tetap menjadi kewajipan juga.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Titah ini sangat berhikmah untuk dijadikan pedoman. Memang benar, orang-orang Islam di mana sahaja adalah saudara-saudara kita. Ibarat satu jasad, jika satu anggota sahaja disakiti, seluruh tubuh akan berasa pedihnya. Itulah kesatuan Islam.

Dalam hubungan ini, kita tidak boleh melupakan saudara-saudara kita rakyat Palestin. Mereka itu sedang diganyang habis-habisan oleh musuh. Semenjak 7 Oktober 2023 sehingga hari ini, sudah mencecah lebih 60 ribu nyawa telah terkorban, majoriti adalah kanak-kanak dan perempuan. Mereka, benar-benar bermandikan darah. Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui bagaimana penderitaan mereka.

Namun sedikit keadaan dapat dihidi melalui aplikasi media sosial. Mereka dalam semua hal menerima apa sahaja dengan ucapan Alhamdulillah (segala puji bagi Allah). Rumah mereka runtuh - Alhamdulillah. Harta benda musnah - Alhamdulillah. Bekalan makanan terputus - Alhamdulillah. Ibu bapa, suami atau isteri mati di hadapan mata - Alhamdulillah. Anak cahaya mata terkapar mati di pangkuhan juga tetap Alhamdulillah. Semua Alhamdulillah.

Seorang ibu memangku mayat anak kecilnya sambil berkata : "Wahai anak, ibu redakan engkau pergi. Tunggu ibu di pintu syurga. Pergilah sayang! Pergilah!"

Begitu sedikit gambaran mengenai warga Palestin yang sedang ditindas. Apa benarkah, ada golongan seperti



**KHUTBAH** Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Penolong Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

warga Palestin yang menerima apa sahaja keadaan dengan ucapan Alhamdulillah? Apakah benar ada golongan manusia seperti ini?

Jawabnya : Memang ada. Sebagaimana diriwayatkan di dalam sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sabda Baginda :

**Maksudnya** : "Golongan yang paling awal dipanggil untuk masuk syurga ialah mereka yang banyak memuji Allah, iaitu orang-orang yang sentiasa memuji Allah ketika di dalam senang mahupun di dalam susah."

Maka, jika mengikut hadis ini, orang-orang Palestin yang tidak ada ucapan lain, kecuali Alhamdulillah semata-mata, sama ada ketika senang mahupun ketika susah, mereka itu tidak diragukan lagi, di akhirat kelak, adalah golongan yang paling awal akan dipanggil untuk masuk syurga.

## Khutbah Kedua

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

**M**UNGKIN ramai orang bertanya, mengapakah Allah membiarkan warga Palestin ditindas begitu rupa dan memberikan musuh bermaharajalela tanpa dihukum?

Sesungguhnya pertanyaan seperti ini tidak layak untuk timbul. Semua perkara adalah datang daripada Allah berserta hikmah-Nya. Lambat atau cepat tertakluk kepada hikmah itu.

Perhatikan sahaja kisah-kisah di dalam Al-Quran. Misalnya kisah Nabi Allah Nuh Alaihissalam. Baginda itu diutus untuk menyeru umatnya kepada beriman dengan Allah tetapi ternyata umat ini teramat degil tidak mau tunduk kepada nasihat, malah melawan dengan menuduh pula Nabi Nuh Alaihissalam sebagai pendusta, ahli sihir dan gila.

Lama Nabi Nuh mendakwah. Namun cuma segelintir sahaja yang menyahut seruannya. Yang baki majoriti semua memusuhi dan melawan Nabi Nuh. Perkara ini berlaku bukan setahun dua atau 10, 20 tahun, bukan! Tetapi lebih daripada itu. Namun Allah Subhanahu Wata'ala masih sahaja membiarkan tanpa menghukum mereka yang ingkar, sehinggalah penderhakaan itu berlaku sampai lebih daripada 900 tahun, barulah Allah memerintahkan Nabi Allah Nuh untuk

# Allah Subhanahu Wata'ala tidak lalai membuat perhitungan

membuat kapal besar untuk menyelamatkan nabi dan pengikut-pengikut Baginda yang cuma segelintir itu.

Perbuatan Nabi Nuh membuat kapal di atas daratan ini ditertawakan oleh kaumnya dan mengejek Nabi Nuh sebagai gila. Apabila kapal siap maka Nabi Nuh dan pengikut-pengikut Baginda diperintahkan naik dan Allah telah memerintahkan langit untuk menurunkan hujan dan bumi untuk memancarkan air dari mata-mata air, sehingga dunia pun karam menenggelamkan segala isi di dalamnya. Semua ini berlaku dengan hikmah Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Nah, lihatlah! Allah menunggu sehingga 900 tahun untuk menghukum umat yang derhaka.

Demikian juga warganegara Mesir yang diperintah oleh raja-raja bergelar Firaun. Menurut sesetengah pendapat, Mesir pernah diperintah selama 700 tahun oleh raja-raja bergelar Firaun. Rakyat dikerah untuk membuat istana-istana, membuat piramid-piramid dan lain-lain bangunan-bangunan raksasa oleh raja-raja Firaun, dengan menggunakan tenaga rakyat sehingga tidak dapat dianggarkan berapa yang telah terkorban. Sehingga

setelah berlalu masa 700 tahun itu, barulah giliran Allah untuk menentukan seorang Firaun terakhir dengan mengutus Nabi Musa Alaihissalam untuk menamatkan riwayat raja-raja Firaun di bumi Mesir. Firaun yang terakhir ini dengan pengikut-pengikutnya telah ditenggelamkan oleh Allah di dalam perut lautan.

Banyak lagi kalau mahu disebut kisah-kisah iktibar daripada kitab suci Al-Quran itu.

Satu sahaja lagi kita beralih kepada kisah Baitulmuqaddis di Palestin. Baitulmuqaddis ini pernah dijajah oleh pihak bersekutu pada tahun 492 Hijriyyah sehingga tahun 583 Hijriyyah. Allah seperti sahaja membiarkan tempat suci ini dikuasai oleh musuh selama 91 tahun.

**"PERHATIKAN sahaja kisah-kisah di dalam Al-Quran.**

**Misalnya kisah Nabi Allah Nuh Alaihissalam. Baginda itu diutus untuk menyeru umatnya kepada beriman dengan Allah tetapi ternyata umat ini teramat degil tidak mau tunduk kepada nasihat, malah melawan dengan menuduh pula Nabi Nuh Alaihissalam sebagai pendusta, ahli sihir dan gila. Lama Nabi Nuh mendakwah. Namun cuma segelintir sahaja yang menyahut seruannya. Yang baki majoriti semua memusuhi dan melawan Nabi Nuh".**

Tetapi setelah itu, setelah cukup 91 tahun, barulah Allah mendarangkan seorang panglima, Shalahuddin al-Ayyubi dan askar-askarnya untuk mengambil balik Baitulmuqaddis daripada tangan-tangan penjajah.

Ini juga adalah iktibar, bahawa Allah tidak lalai untuk membiarkan satu-satu kezaliman terus berlaku, melainkan Dia akan tetap menghukum para pelaku kezaliman itu sesuai dengan masa-masa yang ditentukan menurut hikmah-Nya.

Demikian itulah mengenai isu Palestin, Allah Subhanahu Wata'ala sekali-kali tidak lalai untuk membuat perhitungan. Hanya kita tidak tahu bilakah masa Allah akan membuat perhitungan itu menurut hikmah-Nya. *Wallahu a'lam*.

# **Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi**

## **Khutbah Pertama**

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

**D**i pagi yang mulia dan penuh berkat ini, marilah sama-sama kita perbanyakkan rasa syukur dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Marilah kita mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Alhamdulillah kita telah berada di pagi Syawal yang mulia. Pada hari ini kita menzahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan yang baru sahaja berlalu. Ibadah puasa telah meninggalkan kesan yang mendalam di lubuk hati kita sebagai orang yang beriman. Kejayaan kita melalui Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini mudah-mudahan akan meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya takwalah yang membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman.

Orang-orang yang beriman itu mereka lah yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga. Ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hashr, ayat 20 :

**Tafsirnya** : "Tidaklah sama penghuni neraka dengan ahli syurga. Ahli syurga itu ialah orang-orang yang berjaya".

Dengan kedatangan 1 Syawal ini umat Islam di seluruh dunia dari pelbagai bangsa dan peringkat umur, bersama-sama melafraskan takbir, tahnid dan tasbih, sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadan yang penuh berkat.

Sewaktu berada di bulan Ramadan, kita dilatih melaksanakan ibadah-ibadah fardhu dan sunat seperti Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih, bertadarus Al-Quran, Qiamullail,

## **Khutbah Kedua**

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

**A**LHAMDULILLAH, puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menganugerahkan kepada kita nikmat dan kegembiraan di pagi Syawal yang penuh dengan keberkatan ini. Kegembiraan yang kita rasakan pada hari ini adalah disebabkan oleh dua perkara :

**Pertama** : Gembira kerana pada hari ini kita telah berjaya menyelesaikan suatu tugas yang diamanahkan dan melaksanakannya dengan sempurna iaitu berpuasa di bulan Ramadan dan seterusnya dapat meningkatkan amal ibadah dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengajarkan Sembahyang Tarawih, Tadarus Al-Quran, bersedekah, berikraftif dan Qiamullail untuk mendapatkan Lailatulqadar, memperbanyakkan doa dan zikir dan sebagainya.

**Kedua** : Gembira kerana kita mendapat jaminan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah berjaya melaksanakan puasa di bulan Ramadan.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Dengan kembalinya kita kepada keadaan

## **Bersatu, berpegang dengan agama Allah**

bersahur, memperbanyakkan sedekah dan sebagainya. Semuanya itu merupakan hasil daripada didikan Ramadan yang boleh mendorong kita ke arah menjadi umat yang bertakwa.

Ketahuilah, bahawa perjuangan untuk mewujudkan masyarakat bertakwa ini menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam. Maka seluruh umat Islam tanpa mengira latar belakang, kedudukan, bangsa dan pangkat serta darjah perlulah bergerak, berjuang dan bersatu memperkuuhkan kesatuan umat Islam. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita agar bersatu dan berpegang dengan agama Allah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 103 :

**Tafsirnya** : "Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah."

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Hari ini kita meraikan Aidilfitri sebagai tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadan. Didikan Ramadan yang mendisiplinkan diri kita sepanjang hari, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan yang berkualiti. Didikan Ramadan yang telah kita lalui itu seperti melaksanakan tuntutan fardu mahupun sunat dan mengawal nafsu serta menjaga segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga, maksiat mulut agar tidak merosakkan ibadah puasa, semoga itu telah dapat kita tempuh dengan didikan Ramadan tersebut. Oleh yang demikian, segala didikan yang telah dilaksanakan sepanjang Ramadan itu hendaklah diteruskan di bulan-bulan yang lain secara istiqamah. Janganlah hanya di bulan Ramadan sahaja kita rajin beramal ibadah, manakala

di bulan-bulan lain pula kita berasa malas untuk beramal ibadah.

Lazimnya kemerahan Aidilfitri dapat dirasakan dengan rumah-rumah yang dihiasi lampu-lampu ccul berwarna-warni, sanak saudara berkumpul beramai-ramai, memakai pakaian yang cantik dan berseri-seri serta beraneka juadah yang tersedia. Kemeriahannya juga dapat dirasa dengan kita berkumpul di masjid ini untuk menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri dan mendengar khutbah. Kita bersalam-salaman untuk memohon keampunan semoga semua salah silap diampuni, perselisihan atau perbalahan dilupakan dan mana-mana yang kusut kembali dilerakan. Kita juga mengadakan rumah terbuka, menjemput sanak saudara, jiran tetangga dan rakan taulan serta saling ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi.

Amalan ziarah-menziarahi ini bertepatan dengan usaha-usaha murni menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada waktu atau bulan-bulan yang lain, kita tiada kesempatan kerana kesibukan dengan tugas mengurus rutin harian, maka di kesempatan inilah kita dapat menjalani semula keakraban dengan jiran tetangga, saudara-mara dan sahabat handai. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita.

Namun dalam kemerahan meraikan Aidilfitri, janganlah sampai kita melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan

masing-masing. Apa yang penting biarlah bersederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara bersederhana dan tidak membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 28 :

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Dengan kesempatan yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita melalui Ramadan Al-Mubarak dan sekarang meraikan Syawal yang penuh keberkatan ini, maka marilah sama-sama kita memperbanyakkan bekalan sebagai kesinambungan daripada amalan sepanjang Ramadan yang baru berlalu. Raikanlah Aidilfitri ini dengan rasa penuh tawaduk dan merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ambillah peluang ini untuk kita menjalani dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita, buanglah yang keruh ambillah yang jernih. Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini diwarnai dengan penuh kegembiraan serta rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat". (Surah Al-Hujurat, ayat 10)

**"AMALAN ziarah-menziarahi ini bertepatan dengan usaha-usaha murni menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada waktu atau bulan-bulan yang lain, kita tiada kesempatan kerana kesibukan dengan tugas mengurus rutin harian, maka di kesempatan inilah kita dapat menjalani semula keakraban dengan jiran tetangga, saudara-mara dan sahabat handai. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita".**

## **Sikap memberi, meminta maaf ciri orang bertakwa**

fitrah iaitu dalam keadaan suci disebabkan mendapat pengampunan Allah Subhanahu Wata'ala, maka sewajarnya kita mempertingkatkan ketaatan dalam melaksanakan perintah-perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi larangan-larangan-Nya dengan niat ikhlas dan berharap akan keredaan-Nya.

Sesungguhnya peningkatan diri ke arah dan perubahan sikap daripada negatif kepada positif boleh berlaku daripada penghayatan berpuasa di bulan Ramadan. Kerana itu berpuasa memainkan peranan dalam proses pemulihan akhlak atau tarbiah bagi setiap Muslim kepada berakhlik mulia.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Dalam kita menyambut Hari Raya yang penuh kegembiraan ini, kita sebagai umat Islam hendaklah menyambutnya mengikut ajaran-ajaran agama Islam seperti amalan berziarah kerana perbuatan tersebut dianjurkan dan disyariatkan di dalam Islam. Telah menjadi kelaziman orang-orang kita, apabila menyambut Aidilfitri, kita akan mengadakan rumah terbuka dengan tujuan

mengeratkan hubungan silaturahim dan menjamu tetamu yang datang. Amalan tersebut sememangnya amat baik dan berpahala jika disertakan dengan niat ikhlas.

Apa yang perlu diingat, dalam kita memberikan jamuan dan menghulurkan sedekah atau apa jua pemberian itu janganlah disertai di dalam hati, niat untuk menunjuk-nunjuk dan membangga diri kerana perbuatan sedemikian hukumnya berdosa dan boleh menyebabkan amalan yang kita lakukan menjadi sia-sia. Allah Subhanahu Wata'ala benci kepada orang-orang yang bersifat sompong dan membangga diri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 18 :

**Tafsirnya** : "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu daripada manusia (kerana memandang rendah terhadap mereka) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong, sesungguhnya Allah tidak suka tiap-tiap orang yang sompong lagi membangga-banggakan diri".

Ingatlah bahawa sifat sompong, angkuh, bongkok dan suka membangga diri itu adalah sifat orang yang takbur

dan orang yang membesarakan diri dan balasannya ialah neraka. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu Anhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidak masuk syurga orang yang terdapat di hatinya seberat zarah daripada sompong". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Bersempena Hari Raya yang mulia ini, marilah kita saling bermaaf-maafan, kunjung-mengunjungi bagi mengeratkan lagi tali persaudaraan, seandainya ada sebarang persengketaan, lupakanlah kerana sikap memberi dan meminta maaf merupakan ciri orang bertakwa. Tanamkanlah sifat merendah diri, mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa. Maka orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, hati mereka mengingkari (Keesaan Allah Subhanahu Wata'ala) dan mereka ialah orang yang menyombongkan diri". (Surah An-Nahl, ayat 22)



**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 26 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 27 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 28 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 29 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 30 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 31 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 32 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 33 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years



(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 34 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 35 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 36 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
REN / 01 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
REN / 02 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
VAK / 01 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
VAK / 02 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

**IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.****

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

**Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :**

- E-MEL :** [iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn)
- BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :** +673 2383400 **sambungan Meja Iklan**
- SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**
- RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**
- IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

## IKLAN



Dibuka Kepada  
Konsultan-Konsultan C & S  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DDS / 10 / 2025

**Nama Projek:**  
Request for Quotation (RFQ) –  
Perkhidmatan Perunding bagi  
Pelan Induk Sanitasi  
dan Pembetungan bagi  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00 bagi setiap tawaran  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
15 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
20 Mei 2025.  
Tidak lewat dari jam  
2.00 Petang.

Dibuka Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam  
Kelas:  
V (IV & V) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 013 / 2025 –  
(CDE).T.V

**Nama Projek:**  
kerja-kerja menaik taraf saliran  
di Sungai Temburong Fasa 1

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
15 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
13 Mei 2025.  
Tidak lewat dari jam  
2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 02 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**  
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja  
'Supply And Installation Of  
Decoartive Lightings'  
At Jalan Enche Awang  
Pekan Tutong

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 03 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**

VAK / 03 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of  
Medicines For The  
Department Of Pharmaceutical  
Services For A Period Of Three  
(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
VAK / 04 / 2025 / PHARM (TC)

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja  
Mengganti Baharu Pintu Serta  
Rangka Stor Pasar Malam Pekan  
Tutong Dan Barik-Barik Jalan  
Sungai Basong Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 30 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of  
Medicines For The  
Department  
Of Pharmaceutical Services For  
A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
22 April 2025.  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.



JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 02 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**  
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja  
'Supply And Installation Of  
Decoartive Lightings'  
At Jalan Enche Awang  
Pekan Tutong

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 03 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**

VAK / 03 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of  
Medicines For The  
Department Of Pharmaceutical  
Services For A Period Of Three  
(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
VAK / 04 / 2025 / PHARM (TC)




**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 71 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 72 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 73 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup:**  
15 April 2025.  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.



**Tajuk Tawaran**  
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Of Internal Piping & Associated Works At Jabatan Penerbangan Awam – FSOR  
AME / 2024-2025 / SH-53 / R (Kelas I & II ke atas)

**Tajuk Tawaran**  
Term Contract For Air Conditioning Maintenance To "DCA Building" For A Period Of Six (6) Months  
AME / 2024-2025 / SH-82 / R (Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
26 Mac 2025.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**



Selasa,  
8 April 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
9 April 2025.

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Seksyen Kewangan,  
Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan  
BB2513  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 06 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 07 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 08 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 09 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 10 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 11 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 12 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**

**DRG / 13 / 2025 / PHARM (TC)**

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 14 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 15 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 16 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 17 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 18 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 19 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 20 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of

Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 21 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 22 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 23 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 24 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
DRG / 25 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
15 April 2025.  
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



**Bilangan Tawaran 1 :**  
JBBSB / LTK / 2024 – 2025 /  
02 / BPKB

**Nama Tawaran 1:**  
Tawaran Penyewaan Bangunan 1,  
Dermaga Diraja  
Bandar Seri Begawan

**Bilangan Tawaran 2:**  
JBBSB / LTK / 2024 – 2025 /  
02 / BPKB

**Nama Tawaran 2:**  
Tawaran Penyewaan Bangunan 2,  
Dermaga Diraja  
Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Tawaran:**



Selasa, 15 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI PERTAMA 1446H/2025M

## HARI RAYA AIDILFITRI

Tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadhan

### APA YANG BOLEH KITA BUAT

-  Segala didikan yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan hendaklah diteruskan di bulan-bulan lain secara istiqamah
-  Sambut hari raya dengan mengikut kemampuan masing-masing dan besederhana
-  Raikan Aidilfitri dengan rasa penuh tawaduk dan merendah diri kepada Allah SWT
-  Ambil peluang untuk menjalin dan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kita

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI KEDUA 1446H/2025M

Dalam kita menyambut Hari Raya yang penuh kegembiraan ini, kita sebagai umat Islam hendaklah menyambutnya mengikut ajaran-ajaran agama Islam seperti amalan berziarah

Perlu diingat, dalam kita memberikan jamuan dan menghulurkan sedekah/apa juu pemberian itu:

 Janganlah disertai di dalam hati, niat untuk menunjuk-nunjuk dan membangga diri.

 Hukum : Berdosa dan boleh menyebabkan amalan yang kita lakukan menjadi sia-sia

# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus Mee Segera

376 mg



3 sudu makan Corned Beef

1000 mg



Sebijii Telur Masin

295 mg



1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang

880 mg



1 sudu makan Kicap

243 mg



1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan Kentang Goreng

116 mg



Segenggam Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan Amping

1.7 mg



Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

# Dakwaan Mengetahui Perkara Ghaib Antara Ciri-Ciri Ajaran Sesat

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**D**ALAM mengamalkan mana-mana ajaran yang dikaitkan dengan Islam sama ada dalam bentuk akidah atau syairah atau akhlak, hendaklah dipastikan bahawa ajaran tersebut bersumber daripada syariat Islam kerana banyak ajaran yang dinisbahkan kepada Islam tetapi pada hakikatnya ia bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Antara ajaran yang dikaitkan dengan Islam tetapi bertentangan dengan ajaran Islam itu ada yang dikategorikan sebagai ajaran sesat.

Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau bersandarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam berdasarkan al-Qur'an dan sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Untuk mengetahui sesuatu ajaran yang dikaitkan dengan Islam itu sama ada ia ajaran sesat ataupun tidak, kita boleh mengesannya melalui dakwaan-dakwaan orang yang membawa atau menyebarkan ajaran tersebut. Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan tentang kedudukan orang yang mendakwa bahawa dia mengetahui perkara ghaib.

Adapun maksud mengetahui perkara ghaib di sini ialah mengetahui perkara ghaib melebihi apa yang diceritakan dalam al-Qur'an dan sunnah.

Menurut ajaran Islam, perkara ghaib hanya diketahui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

**Tafsirnya** : Dan di sisi Allah jualah kunci-kunci perbendaharaan (perkara-perkara) yang ghaib, tidak ada sesiapa pun yang mengetahuinya melainkan Dia. Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut. Dan tidak sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya dan tidak sebutir biji pun yang berada dalam kegelapan bumi dan tidak (pula) sesuatu yang basah dan tidak (juga) yang kering melainkan (semuanya tertulis) di dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh).

(Surah al-An'am : 59)

Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

**Tafsirnya** : Sesungguhnya di sisi Allah sahajalah pengetahuan tentang hari

"IMAM al-Qurthubi Rahimahullah dalam kitab tafsirnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an membawakan beberapa riwayat yang menjelaskan tentang maksud perkataan 'barzakh' dalam ayat tersebut. Antara maksud barzakh itu ialah penghalang antara kematian dan hari dibangkitkan. Antara maksudnya lagi ialah penghalang antara orang yang mati dan kembali ke dunia. Ia juga bererti hijab (pendinding) antara orang yang mati untuk kembali ke dunia.

Dalam hadits ada disebut dengan jelas bahawa orang yang meninggal dunia tidak akan kembali semula ke dunia.

Daripada Jabir Radhiallahu 'anhу, beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada beliau :

**Maksudnya** : Wahai Jabir! Adakah engkau tidak mengetahui bahawa Allah 'Azza wa Jalla telah menghidupkan bapamu dan berfirman kepadanya : Mohonlah kepadaKu. Lalu bapamu berkata : Kembalikanlah diriku ke dunia hingga aku terbunuh (dalam jihad fi sabillillah) sekali lagi. Maka Allah berfirman : Aku telah memutuskan bahawa mereka (yang telah mati) tidak akan kembali lagi ke dunia."

Kiamat, dan Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang ada di dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui apa yang akan diusahakannya esok dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

(Surah Luqman : 34)

Walau bagaimanapun menurut para ulama, ada kalanya Allah Subhanahu wa Ta'ala mengkhabarkan beberapa perkara ghaib kepada para rasul menerusi wahu sebagai mu'jizat bagi mereka dan sebagai bukti yang benar terhadap kenabian mereka sebagaimana Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

**Tafsirnya** : Dia yang mengetahui segala yang ghaib tetapi Dia tidak menzhirkannya kepada sesiapa pun. Melainkan kepada rasul yang direhailnya maka sesungguhnya Dia mengadakan penjaga-penjaga (malaikat-malaikat) di hadapan dan di belakangnya.

(Surah al-Jin : 26-27)

Terdapat beberapa perkara ghaib yang diceritakan dalam al-Qur'an dan sunnah seperti perkara-perkara berkaitan dengan roh, hari Kiamat dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ghaib yang diceritakan tersebut adalah secara terbatas sahaja, iaitu setakat apa yang disebut dalam al-Qur'an dan sunnah.

Oleh itu, jika ada orang yang mendakwa mengetahui sesuatu perkara ghaib melebihi apa yang diceritakan dalam al-Qur'an dan sunnah seperti perkara yang berkaitan dengan roh, hari Kiamat dan seumpamanya atau ia bercanggah dengan apa yang diceritakan dalam al-Qur'an dan sunnah, maka ia adalah satu pembohongan tentang perkara ghaib.

Berkaitan dengan perkara ghaib ini, terdapat beberapa dakwaan yang bercanggah dengan apa yang diceritakan dalam al-Qur'an dan sunnah. Antaranya :

1. Menentukan siapa Imam al-Mahdi al-Muntazhar.

Kemunculan Imam al-Mahdi al-Muntazhar di akhir zaman adalah antara tanda-tanda besar hari Kiamat dan termasuk di bawah cabang salah satu rukun iman iaitu mempercayai kedatangan hari Kiamat. Kemunculan Imam al-Mahdi al-Muntazhar telah sabit berdasarkan hadits-hadits yang *mutawatir* dan para ulama juga telah sepakat bahawa perkhabaran ramai (*mutawatir*) itu adalah benar dan sesiapa yang mengingkarinya menjadi kufur.

Waktu kemunculan Imam al-Mahdi al-Muntazhar serta siapa orangnya merupakan perkara ghaib yang tidak

diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja. Meskipun begitu, tanda dan sifat Imam al-Mahdi al-Muntazhar ada disebut dalam beberapa hadits secara ringkas, antaranya hadits daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhу beliau berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya** : Tidak pergi dunia sehingga bangsa Arab akan dikuasai oleh seorang lelaki dari kalangan Ahli Baitku yang namanya menyamai namaku.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Dalam hadits lain daripada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu 'anhу beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya** : Al-Mahdi itu dari (keturunan)ku, berdahi luas dan berhidung mancung. Dia akan memenuhi bumi dengan kesaksamaan dan keadilan sebagaimana ia (sebelum itu) dipenuhi dengan kekejaman dan kezaliman dan dia akan menguasai (bumi) selama tujuh tahun.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Dalam kitab al-Fatawa al-Haditsiyah, Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah telah ditanya mengenai satu kumpulan yang mempercayai seorang lelaki yang sudah meninggal dunia sejak empat puluh tahun dahulu bahawa dia adalah al-Mahdi yang dijanjikan kemunculannya pada akhir zaman. Maka Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah menjawab :

**Erinya** : Ini iktikad yang salah, kesesatan yang buruk dan kejahilan yang keji.

Berdasarkan keterangan di atas, adalah jelas bahawa tidak ada sesiapa pun yang mengetahui siapa orangnya Imam al-Mahdi al-Muntazhar itu dan bila beliau akan muncul. Dakwaan yang mengatakan orang tertentu sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia sebagai Imam al-Mahdi al-Muntazhar adalah suatu pembohongan besar dan tergolong dalam golongan orang-orang sesat.

2. Mampu menghadirkan roh orang yang telah meninggal dunia.


Salah satu cara untuk menghadirkan roh itu ialah roh itu dipanggil atau dihadirkan oleh orang (tukang yang menghadirkannya) melalui pembantunya yang telah dipukau sehingga pembantu itu tidak sedarkan dirinya. Pembantu itu akan bercakap-cakap atau menjawab soalan-soalan dari orang yang memanggil roh tersebut. Menurutnya apa yang dicakapkan oleh pembantu itu ialah suara orang mati yang dipanggil rohnya. Suara yang dikeluarkan oleh pembantu ketika dalam keadaan terpukau itu adalah tidak sama dengan keadaannya waktu dia sedarkan dirinya. Ini membuktikan kononnya suara itu benar-benar suara orang mati yang dipanggil rohnya. Roh itu akan ditanya berdasarkan apa yang dihajatinya termasuk perkara-perkara seperti seksa dan nikmat kubur bagi orang yang telah mati.

Menurut ajaran Islam, roh adalah salah satu daripada perkara-perkara ghaib. Roh merupakan urusan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Manusia tidak mempunyai ilmu pengetahuan mengenainya melainkan sedikit sahaja ilmu pengetahuan yang Allah Subhanahu wa Ta'ala kurniakan kepada manusia. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

**Tafsirnya** : Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakanlah : "Roh itu adalah daripada urusan Tuhan dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja".

(Surah al-Isra' : 85)

Dakwaan memanggil roh atau menghadirkan roh orang yang telah meninggal dunia bagi sebarang tujuan seperti bercakap dengan roh tersebut dan bertanyakan sesuatu perkara kepadanya



adalah dakwaan yang tidak mempunyai asas berdasarkan ajaran Islam. Memanggil atau menghadirkan roh adalah mustahil kerana al-Qur'an telah menceritakan bahawa apabila seseorang itu meninggal dunia, rohnya akan terpisah daripada jasad dan tidak mungkin kembali semula ke dunia sebagaimana disebut dalam firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

**Tafsirnya** : Sehingga apabila sampai ajal kepada seorang daripada mereka, dia berkata : "Ya Tuhan! Kembalikanlah aku (ke dunia)". "Supaya aku dapat mengerjakan amalan salih yang aku telah tinggalkan". Tidak sekali-kali! Sesungguhnya itu hanyalah kata-kata yang diucapkannya sahaja sedang di hadapan mereka ada barzakh (pendinding yang menghalang mereka daripada kembali ke dunia) hingga hari mereka dibangkitkan (hidup semula).

(Surah al-Mu'minun : 99-100)

Imam al-Qurthubi Rahimahullah dalam kitab tafsirnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an membawakan beberapa riwayat yang menjelaskan tentang maksud perkataan 'barzakh' dalam ayat tersebut. Antara maksud barzakh itu ialah penghalang antara kematian dan hari dibangkitkan. Antara maksudnya lagi ialah penghalang antara orang yang mati dan kembali ke dunia. Ia juga bererti hijab (pendinding) antara orang yang mati untuk kembali ke dunia.

Dalam hadits ada disebut dengan jelas bahawa orang yang meninggal dunia tidak akan kembali semula ke dunia. Daripada Jabir Radhiallahu 'anhу, beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada beliau :

**Maksudnya** : Wahai Jabir! Adakah engkau tidak mengetahui bahawa Allah 'Azza wa Jalla telah menghidupkan bapamu dan berfirman kepadanya : Mohonlah kepadaKu. Lalu bapamu berkata : Kembalikanlah diriku ke dunia hingga aku terbunuh (dalam jihad fi sabillillah) sekali lagi. Maka Allah berfirman : Aku telah memutuskan bahawa mereka (yang telah mati) tidak akan kembali lagi ke dunia.

(Hadits riwayat Ahmad)

Syaikh Muhammad Amin al-Kurdi Rahimahullah dalam kitabnya Tanwir al-Qulub menjelaskan bahawa kematian bermakna putus hubungan roh dengan badan sebagaimana kematian yang berlaku di dunia, terpisah dan terhalang antara keduanya, pergantian satu keadaan dengan keadaan yang lain dan perpindahan daripada satu alam kepada alam yang lain.

Berdasarkan keterangan di atas, adalah jelas bahawa dakwaan mampu menghadirkan roh itu adalah suatu pembohongan dan orang yang membawa ajaran tersebut serta pengikut-pengikut yang mempercayainya adalah tergolong dalam golongan orang-orang sesat.

Demikian penjelasan mengenai kedudukan orang yang mendakwa bahawa dia mengetahui perkara ghaib.

# TERUJA DAPAT BERKUNJUNG KE ISTANA TERBUKA



**DAYANG** Hajah Rasmah binti Haji Buang, Dayang Norwani binti Haji Chuchu dan Dayang Hajah Siti Normasyitah binti Haji Abahat berasa gembira berpeluang turun ke Majlis Junjung Ziarah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 1 April. - Para pegawai dan kakitangan serta petugas daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta melahirkan rasa syukur dan gembira kerana berpeluang turut turun ke Majlis Junjung

Ziarah Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman pada tahun ini.

Ini jelas menggambarkan betapa kasihnya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terhadap seorang

## ■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

raja yang dikasihi yang sentiasa prihatin terhadap hal kebaikan dan kehidupan rakyatnya.

Aidilfitri juga merupakan hari istimewa kerana dapat bersua muka dengan raja yang dikasihi yang menjadikannya saat yang paling ditunggu-tunggu pada setiap tahun, apakah lagi ia dibukakan kepada orang ramai selama dua hari iaitu pada Hari Raya kedua dan ketiga.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa warga Perkhidmatan Awam yang rata-ratanya menzahirkan rasa syukur kerana pada tahun ini Istana Nurul Iman dibukakan bagi orang ramai untuk Majlis Junjung Ziarah.

Dayang Hajah Rasmah binti Haji Buang dari Bahagian IRK, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menjelaskan beliau amat berbesar hati kerana berpeluang untuk mengunjungi dan junjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta kerabat diraja yang lain ke Istana Nurul Iman pada hari ini.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja yang lain.

Sementara itu, seorang lagi

rakan beliau, Dayang Hajah Siti Normasyitah binti Haji Abahat juga menzahirkan rasa syukur dan perasaan gembira kerana bagi beliau ini adalah pengalaman yang sangat berharga kerana berpeluang junjung ziarah setelah ia dibukakan bagi kunjung orang ramai selama dua hari bermula hari ini.

Dalam pada itu, keriangan dan kegembiraan jelas terpancar daripada raut wajah para pengunjung yang hadir ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri ke Istana Nurul Iman apabila kunjungan mereka diberi penghargaan dengan buah tangan sebagai penghargaan.

# Hari Raya masa untuk bermaafan, lupakan sengketa



**MEMOHON** keampunan dan restu daripada keluarga di pagi Hari Raya pertama dizahirkan melalui bersalaman serta mencium tangan ibu bapa / orang tua.

## ■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 1 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri amat sinonim dengan amalan saling bermaafan bagi umat Islam apabila berada di bulan Syawal.

Ucapan 'Mohon maaf zahir dan batin' yang sering dilafazkan semasa menjelangnya Aidilfitri

bukan sekadar ungkapan tetapi ia menekankan betapa pentingnya keikhlasan, kasih sayang dan keharmonian dalam kehidupan berkeluarga serta bermasyarakat.

Lazimnya, amalan bermaafan ini dilakukan bermula pada Hari Raya pertama dalam kalangan

ahli keluarga yang berada di rumah selepas menuaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Anak-anak akan mencium tangan ibu bapa mereka bagi memohon restu dan keampunan, manakala para isteri pula mencium tangan suami masing-masing dan saling bermaafan bagi memohon keampunan atas kesalahan yang dilakukan sepanjang tahun.

Selain itu, tradisi ziarah-menziarahi yang dilakukan semasa Aidilfitri memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaafan dengan sanak saudara dan sahabat handai bagi mengukuhkan lagi ukhuwah dan mengeratkan ikatan silaturahim.

Budaya saling bermaafan semasa Aidilfitri ini sangat penting kerana sebagai manusia kita tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan adakalanya tindakan atau kata-kata kita yang telah menyenggung atau menguris perasaan orang lain tanpa kita sedari.

Ia boleh menyebabkan pertelingkahan atau perselisihan faham sesama ahli keluarga, saudara-mara dan rakan taulan,

yang membawa kepada rasa dendam, benci dan marah.

Oleh itu, hubungan tersebut dapat diperbaiki dengan mendidik jiwa dalam mengetepikan ego dan menanamkan keikhlasan bagi memberi dan menerima kemaafan.

Meskipun Hari Raya Aidilfitri merupakan waktu yang sesuai untuk kita mengukuhkan ikatan kekeluargaan dengan saling bermaafan, amalan berkenaan seharusnya tidak hanya

dilakukan semasa bulan Syawal sahaja, malahan dalam kehidupan sehari-hari.

Keikhlasan dalam memohon dan memberi kemaafan adalah sesuatu yang perlu diamalkan agar kehidupan kita sentiasa diberkati dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hati yang bersih dan jiwa yang tenang dengan saling memaafkan dapat membuatkan kita menjalani kehidupan yang lebih bahagia.

## Selamatkan Usus Awda. Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترن كبيخت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui  
lebih lanjut mengenai  
program pemeriksaan  
kanser kolorektal,  
sila jumpa\* Doktor  
awda hari ini atau  
lari  
[www.pppk.gov.bn](http://www.pppk.gov.bn)



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

# PENTING


## SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERURUT

**BARU**

### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERURUT

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasuki pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Keraajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasuki ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

- ⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

- ✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



# HULUR BANTUAN, BERSAMA CERIAKAN AIDILFITRI

Berita dan Foto : Syarikat D. Mas Jaffre Sdn. Bhd.

**MUKIM MENTIRI**, Selasa, 1 April. - Lebih 250 anak yatim, ibu tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Mukim Mentiri sama-sama merasakan kemeriahinan menyambut Hari Raya Aidilfitri apabila mereka diraikan pada Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat D. Mas Jaffre Sdn. Bhd., Pengiran Haji Jaafar bin Pengiran Damit dan Saibuddien Mohd. Jameel berlangsung di Restoran D. Mas Jaffre, di sini.

Hadir sama-sama memeriahkan majlis ialah Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemaday bin Mohamad; Pemangku Ketua Kampung Kawasan I, RPN Kampung Mentiri,

Awang Haji Nizam bin Julaihi dan Pemangku Ketua Kampung Panchor Kawasan 5, Awang Haji Hairul Azri bin Selamat.

Terdahulu, Doa Selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Hassanali Bolkiah Kampung Mentiri, Awang Haji Shamsul Haji Abdul Latif.

Program tersebut merupakan anjuran kali ke-15 dan diharapkan usaha berkebajikan ini terus dapat dikendalikan pada tahun-tahun berikutnya.

Dengan sumbangan ini adalah diharapkan dapat menjadi salah satu cara untuk mengeratkan hubungan dan melahirkan rasa prihatin kepada penerima di samping untuk berkongsi kegembiraan suasana Hari Raya pada tahun ini, selain itu dapat membantu meringankan beban para penerima.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri.



جامعة السلامة على الطرق  
NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

**Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.**

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun



Keselamatan Jalan Raya  
bergantung kepada Awda dan Saya

[mkkjrbrunei](http://mkkjrbrunei) [www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)



SUMBANGAN disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat D. Mas Jaffre Sdn. Bhd., Pengiran Haji Jaafar bin Pengiran Damit dan Saibuddien Mohd. Jameel.




Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

## Pucuk Lemiding Masak Lemak Kampung Mumong

### BAHAN-BAHANNYA :

3 ikat pucuk lemiding dan dibersihkan dari tangkainya  
Bawang merah dan bawang putih dan lada kering  
Secukup rasa  
3 mangkuk santan kelapa  
100 gram udang kering atau

udang hidup

### CARA-CARA MEMASAKNYA :

Tumiskan bawang merah, bawang putih dan lada kering kesemua bahan-bahan dengan sedikit minyak. Setelah mendidih, masukkan perasa, garam mengikut cita rasa dan masukkan lagi pati santan dan masak hingga empuk.

biarkan mendidih, dan selepas itu, masukkan pucuk lemiding yang telah dibersihkan.

Dan masukkan perasa, garam mengikut cita rasa dan masukkan lagi pati santan dan masak hingga empuk.

# ZAHIR RASA SYUKUR BERSUA DENGAN PERMAISURI TERCINTA

Oleh : Nurhamiza  
Haji Roslan  
Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 1 April. - Walaupun telah meniti usia senja, warga emas tetap semangat untuk mengikuti kemeriahan Majlis Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

Bagi mereka, ia adalah peluang keemasan untuk bersua muka bersama raja dan permaisuri tercinta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja.

Dayang Alifah binti Haji Mohd. Daud, 65, semasa ditemu bual Pelita Brunei telah mengongsikan beliau pernah menghadiri junjung ziarah bagi Istana Terbuka pada tahun-tahun sebelum musim pandemik COVID-19.

Pada masa itu katanya, walaupun dia sudah menghidapi penyakit asma waktu itu beliau masih boleh berjalan dan



**DAYANG Alifah binti Haji Mohd. Daud.**

tidak perlu menggunakan kerusi roda.

Tetapi kini oleh kerana usia yang semakin meningkat, beliau tidak sekutu dulu dan apabila berjalan terlalu lama beliau akan merasa sakit kaki dan

sukar bernafas. Setelah mendengar pengumuman Istana Nurul Iman

akan dibuka selama dua hari pada Hari Raya Kedua dan Ketiga, beliau sangat gembira dan tidak mahu melepaskan peluang untuk mengikuti junjung ziarah kali ini.

"Kami berasa sangat gembira dan terharu sehingga menitiskan air mata setelah mendengar pengumuman acara junjung ziarah dibukakan kepada orang ramai," ujarnya.

Beliau sangat rindu saat-saat dapat bertemu dan bersalaman dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain dan berasa sangat teruja kerana dapat berjumpa lagi.

Katanya, mereka sekeluarga bersiap seawal Subuh dan bertolak dari tempat kediaman di Kampung Katok seawal pukul 6.00 pagi untuk ikut serta acara junjung ziarah tersebut.

Dalam kesempatan itu, Dayang Alifah mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja akan sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'alaa dan dipanjangkan umur serta

**DAYANG Da'Allay@Dally binti Haji Daud.**

diberkati selalu dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Dayang Da'Allay @Dally binti Haji Daud, 72, bersama anak lelakinya, Awang Mohd. Yamin bin Mohd. Salleh, 42, mengongsikan sebelum ini ibunya pernah juga mengikuti junjung ziarah sebelumnya.

Memandangkan Majlis


Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri diadakan semula pada tahun ini, dia dan ibunya sangat berasa gembira dan bersyukur kerana berpeluang untuk menjelaskan kaki lagi di Istana Nurul Iman, bertemu dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain.

Beliau berkata, dia dan ibunya merasa sangat terharu dan menganggap junjung ziarah tersebut adalah peluang yang sangat istimewa di mana rakyat berpeluang mengeratkan silaturahim dan hubungan bersama pemimpin dan kerabat diraja yang dikasihi.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun**

**PenggunaBijak**



**SOALAN  
146**

**SOALAN 2 APRIL 2025, RABU**

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Sejenis alat untuk memotong rumput?
  - a) Pisau
  - b) Parang
  - c) Mesin pemotong rumput
2.  $4 - 2 + 3 =$ 
  - a) 4
  - b) 3
  - c) 5
3. Pakaian yang dipakai gadis itu kurang manis dipandang kerana \_\_\_\_\_ mata.
  - a) Mencucuk
  - b) Mencolok
  - c) Menjolok

**TARIKH TUTUP : 12 APRIL 2025**

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER...

### PEMENANG ALAI PINTAR 145 :

Nama : Noor Khayra Musfirah binti Abdul Hanis  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0150248-01. Sekolah : Learning Tree School

Nama : Muhd. Zulfahri bin Noor Azlin  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125009-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri

Nama : Nur Irdina Insyirah binti Ed Sukaimy  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125374-01. Sekolah : Sekolah Rendah Haji Mohd Salleh

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....

bor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 145

1. B – 26
2. C – Daerah Brunei dan Muara
3. B – Reptilia



## Nikmati keakraban, keharmonian pemimpin bersama perwakilan negara sahabat di Aidilfitri

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI Raya Aidilfitri kembali lagi dengan Allah memberikan kita nikmat kehidupan, keamanan dan kesejahteraan kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini setelah genap sebulan kita berpuasa. Rasa syukur dan nikmat menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini dikongsikan sama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja yang lain dan seterusnya berinteraksi dan menyaksikan akan kemesraan dan keramahan baginda berdua dan kerabat diraja yang lain di Hari Raya.

La amatlah jelas bahawa saban tahun baginda bermurah hati dan dengan penuh keikhlasan membukakan Istana Nurul Iman Kehadapan Majlis baginda serta kerabat diraja dalam suasana yang harmoni dan muhibah.

### Berbesar hati menerima undangan

Jemputan berhari raya di Istana Nurul Iman sememangnya satu penghormatan dan sangat menggembirakan bagi para pembesar negara dan diplomat asing yang menetap di negara ini kerana inilah

saja 1 Syawal sebagai salah satu cara baginda berdua untuk berkongsi hari kemenangan dan kegembiraan Hari Raya Aidilfitri setelah genap menuaikan puasa sebulan, di samping bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kemesraan.

Majlis dijalankan dengan penuh kegembiraan dan kemesraan lebih-lebih lagi baginda berdua dan kerabat diraja yang lain berkenan menerima sembah ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' dan seterusnya beramah mesra bersama dengan para tetamu yang hadir. Para tetamu juga disajikan dengan pelbagai juadah Hari Raya yang menyelerakan, yang sudah setentunya menambahkan lagi rasa syukur dan kegembiraan meraikan hari kemenangan umat Islam setelah sebulan berpuasa. Di samping para tetamu berpeluang berinteraksi dan menyaksikan akan kemesraan dan keramahan baginda berdua dan kerabat diraja yang lain di Hari Raya.

Pembukaan Istana Nurul Iman untuk kunjungan Hari Raya memang dikagumi oleh para diplomat di negara ini. Bagi para diplomat asing, sememangnya peluang berhari raya ke Istana Nurul Iman ini sentiasa dinanti-nantikan dan tidak akan dilepaskan memandangkan mereka hanya berada di negara ini untuk suatu tempoh yang telah ditetapkan, dan sememangnya kunjungan ini akan menjadi ingatan yang manis sepanjang mereka berkhidmat di negara ini. Dengan adanya suasana muhibah ini, ia akan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan negara luar dan berpotensi tinggi untuk meningkatkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin terutama daripada segi hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang.

masanya untuk mereka menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja yang lain dan seterusnya berinteraksi dan beramah mesra. Kemeriah dan kegembiraan yang dirasakan oleh para pembesar negara dan diplomat asing di negara ini menunjukkan tahap keharmonian yang dicapai oleh negara ini.

Situasi ini juga menunjukkan kelainan yang wujud di NBD yang jarang dan mungkin tidak terdapat di mana-mana negara di dunia ini yang mana para tetamu amat beruntung kerana berpeluang bersempua dengan raja yang mempunyai karisma begitu benar-benar berjiwa rakyat yang sentiasa berdamping dengan rakyat jelata dalam apa keadaan sekali pun setiap masa. Dengan adanya peluang ini, adalah bersesuaian dengan cara hidup kita di Brunei iaitu mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Inilah kehebatan institusi raja dan rakyat yang wujud ratusan tahun sehingga membina kesatuan ikatan yang kuat dan teguh 'raja dan rakyat berpisah tiada'.

Jalinan keakraban dan kemesraan yang tercipta di antara pemimpin negara dan juga para diplomat asing negara-negara sahabat itu tidak syak lagi telah mengukuhkan hubungan yang sekali gus mengangkat imej sistem beraja yang telah kita amalkan sejak zaman-berzaman yang membawa NBD ke mercu kegemilangan. Baginda sebagai working monarch tetap di hati rakyat. Di sinilah memperlihatkan bahawa institusi beraja terus kukuh dan mantap.

Baginda dengan raut muka yang berseri-seri dan penuh senyuman menghulurkan tangan kepada para tetamu jemputan baginda. Pada akhir Majlis Menjunjung Ziarah, para tetamu dikurniakan cenderahati untuk dibawa pulang dan dijadikan koleksi yang indah daripada pemimpin yang dikagumi dunia.





# Jabatan Penerangan : Harungi pelbagai cabaran galas tanggungjawab

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**D**ALAM memasuki alaf baharu, peranan Jabatan Penerangan semakin mencabar dengan kaedah berkomunikasi dipelbagaikan, seiring dengan keperluan semasa serta kehendak perkembangan masa kini.

Jabatan Penerangan kini mencecah usia 73 tahun dan sejak penubuhannya, pelbagai perkembangan dan kemajuan telah dicapai dalam usahanya membudayakan masyarakat bermaklumat.

Dengan usianya yang sudah mencapai usia 73 tahun tersebut, ia telah melalui liku perjalanan sejarah yang panjang sejak kewujudannya pada tanggal 1 April 1952. Bermula dengan sebuah organisasi Perkhidmatan Penerangan Brunei, ruang lingkup tugas dan peranan yang dilaksanakan sentiasa berkembang, berubah-ubah sejajar dengan misi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat, di samping mengukuhkan perpaduan dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Jabatan Penerangan merupakan nama yang digunakan pada tahun 1950 menggantikan Department of Public Relations selaras dengan fungsinya sebagai lidah rasmi kerajaan untuk menerangkan kepada rakyat mengenai falsafah, dasar dan wawasan negara.

Jabatan Penerangan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan turut diletakkan melalui Cawangan Penerangan di seluruh daerah bagi mendekati pelbagai lapisan masyarakat di peringkat akar umbi.

## Harungi dunia tanpa sempadan

Dalam mengharungi dunia tanpa

sempadan ini juga, Jabatan Penerangan terus mengorak langkah dengan penyebaran maklumat yang berkesan dengan menggunakan pelbagai medium dan tidak ketinggalan melalui strategi media baharu yang memberikan impak yang begitu ketara pada masyarakat.

Jabatan ini juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan Revolusi Industri Keempat dalam usahanya untuk membarigakan dasar, program dan aktiviti kerajaan dengan memperkenalkan dan menggunakan media sosial terdiri daripada seperti Facebook, Instagram, ICT, X di samping aplikasi mudah alih telefon bimbit, InfoDept.BN dan We ASEAN.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga berperanan besar dalam membudayakan masyarakat bermaklumat yang relevan dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membarigakan maklumat yang ada dengan betul dan sahih serta boleh dipercayai. Justeru dalam menghadapi era globalisasi di mana segala maklumat boleh diakses dengan mudah dan cepat maka Jabatan Penerangan juga meningkatkan perkhidmatan dengan lebih dinamik, inovatif serta berintegrasi agar masyarakat di seluruh negara memperoleh maklumat dengan cepat.

Pelbagai cabaran yang diharungi oleh Jabatan Penerangan dalam menanai dan menggalas tugas serta tanggungjawab menjadi peneraju dalam membarigakan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk menyerlahkan imej raja dan negara, mendukung Wawasan Brunei 2035 melalui pemerkasaan penyebaran maklumat rasmi ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa dan

kesejahteraan negara.

## Penggunaan pelbagai platform

Dalam membarigakan maklumat mengenai dasar dan agenda kerajaan, Jabatan Penerangan mempunyai beberapa platform yang digunakan, antaranya program - program kemasyarakatan, penyebaran maklumat melalui strategi media cetak dan media baharu.

Antara program kemasyarakatan yang dijalankan adalah seperti Program Bersua Muka, Program Muzakarah Penerangan (PMP) dan Program Masyarakat Bermaklumat yang giat dilaksanakan. Aktiviti seperti ini tidak hanya tertumpu di Daerah Brunei dan Muara sahaja, malahan Jabatan Penerangan di cawangan-cawangan setiap daerah turut dilibatkan dan berfungsi sama dalam memberikan maklumat dengan mengadakan pelbagai aktiviti atau perancangan tertentu semata-mata untuk meningkatkan imej Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan begitu komited dalam memasarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan secara konsisten dan profesional dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan untuk masyarakat di seluruh negara berkualiti, inovatif, serta efektif. Jabatan ini juga akan menjadi organisasi kekal relevan berdepan pelbagai perubahan dan cabaran pada masa depan.

## Menghadapi cabaran

Menyentuh mengenai dengan penjawat awam pula, sebagai penjawat awam yang berkhidmat di jabatan ini, tidak dinafikan

jugalah terpaksa menghadapi cabaran yang tidak dapat dijangka serta berdepan dengan masa depan yang tidak menentu termasuk ketidakstabilan ekonomi global, masyarakat tua, penularan wabak pandemik, perubahan demografi dan ancaman perubahan iklim. Oleh itu, berhadapan dengan cabaran berkenaan, penjawat awam di jabatan ini perlu bersiap siaga dan membuat persediaan rapi melalui platform perkhidmatan yang kukuh, holistik dan kalis masa hadapan. Justeru jabatan ini juga memerlukan keterangkuman idea dan jalinan kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai organisasi.

## Kesimpulan

Dengan iltizam dan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga Jabatan Penerangan, visi dan misi jabatan akan tercapai dan secara langsung menjadikan Jabatan Penerangan sebagai sebuah agensi kerajaan yang lebih cemerlang dan gemilang untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di negara ini.

73 tahun jabatan ditubuhkan, setentunya merupakan usia yang cukup matang dan dalam memastikan jentera Jabatan Penerangan bergerak dengan berkesan dan berjaya, warga Jabatan Penerangan perlu sama-sama memainkan peranan penting dalam memastikan program-program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayaway dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Kejayaan jabatan adalah atas usaha gigih setiap warga.



## BRAZIL MELIHAT PERANAN YANG LEBIH BESAR DALAM PERDAGANGAN PERTANIAN GLOBAL DI TENGAH-TENGAH PENINGKATAN PERLINDUNGAN

**SAO PAULO**, 31 Mac. – Ketika dasar perlindungan perdagangan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang semakin meningkat memacu negara itu ke dalam, pakar Brazil berkata peralihan itu menggalakkan eksport pertanian Brazil.

Antonio Diegues, seorang profesor ekonomi di Universiti Campinas, memberitahu Xinhua bahawa Brazil berada pada kedudukan yang baik untuk bertindak balas terhadap peralihan dalam aliran perdagangan komoditi yang disebabkan oleh tarif AS dan konfrontasi perdagangan.

"Brazil dilihat sebagai pembekal yang boleh dipercayai dan selamat, terutama sekarang, dengan hasil tuaian yang melimpah dan semakin banyak kekecewaan di kalangan pengimport mengenai sikap perang perdagangan AS," kata Diegues.

Beliau menambah bahawa banyak negara sedang giat mencari alternatif kepada komoditi AS untuk mengelakkan kesan daripada dasar perdagangan

Washington yang semakin unilateral.

Keupayaan Brazil untuk memenuhi permintaan ini akan bergantung kepada penambahbaikan dalam, terutamanya dalam infrastruktur, dan pendirian geopolitik neutral yang berterusan, katanya.

"Dasar luar negara kami menekankan kedaulatan dan pragmatisme terhadap ideologi -tadi seperti AS, yang secara sejarah merangka perdagangan melalui kaca mata politik, dan kini melakukannya secara lebih terang-terangan," kata Diegues.

Luiz Augusto de Castro Neves, bekas diplomat dan Presiden Majlis Perniagaan Brazil-China, berkata walaupun mungkin ada pembukaan pasaran baharu akibat kesilapan AS, pertumbuhan jangka panjang Brazil harus datang dari peningkatan produktiviti sistemik, bukan keadaan luaran.

"Kami tidak bergantung kepada negara lain untuk menarik balik," katanya.

"Kami memberi tumpuan kepada

meningkatkan produktiviti kami sendiri untuk kekal lebih berdaya saing di seluruh sektor."

Namun, cita-cita itu, bagaimanapun, menghadapi cabaran domestik. Bartolomeu Braz, Ketua Persatuan Pengeluar Kacang Soya Brazil, berkata logistik Brazil kekal sebagai hambatan.

"Kami mempunyai kapasiti pertanian," katanya, "tetapi kami kekurangan infrastruktur pengangkutan. Jalan raya kami sesak - kami memerlukan landasan kereta api untuk memindahkan barang dengan cekap ke pelabuhan."

Walaupun begitu, reputasi Brazil semakin meningkat, dengan pembeli semakin melihat negara itu sebagai pembekal yang bertanggungjawab dan mampam, kata Braz.

Brazil sentiasa menekankan pelaburan jangka panjang dalam inovasi pertanian, kata Ivo Mello, ahli agronomi di Institut Beras Rio Grande do Sul di Brazil.

"Brazil telah belajar untuk

menghasilkan secara kompetitif walaupun dalam keadaan tanah dan iklim yang berbeza," kata Mello, sambil menambah bahawa beberapa dekad penyesuaian teknologi dari luar negara telah membawa manfaat yang ketara.

Pakar bersetuju bahawa peluang Brazil untuk pertumbuhan bukan sahaja terletak pada mengisi jurang eksport komoditi yang ditinggalkan oleh AS, tetapi juga dalam memproses dan menambah nilai kepada keluaran pertaniannya. - ©XINHUA



SEBUAH foto udara yang diambil pada 7 Mac 2025 menunjukkan pemandangan sebuah pelabuhan di Rio de Janeiro, Brazil.

## Neuralink rancang implan cip otak Blindsight untuk manusia pada 2025 - Musk

**MOSCOW**, 31 Mac. - Usahawan bilionair Amerika Syarikat, Elon Musk mengumumkan bahawa syarikat neuroteknologi miliknya, Neuralink, merancang untuk melakukan implan pertama cip otak Blindsight pada manusia bagi membantu individu yang mengalami masalah penglihatan menjelang akhir 2025, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Kami berharap dapat melakukan implan pertama pada manusia yang mengalami buta sepenuhnya untuk membolehkan mereka melihat, selepas-lewatnya hujung tahun ini," kata Musk dalam satu acara di Wisconsin pada Ahad malam.

Menurutnya, kualiti penglihatan

yang diperoleh pada peringkat awal mungkin rendah, tetapi akhirnya implan itu dijangka membolehkan seseorang melihat dengan keupayaan luar biasa.

Pada Januari 2024, Musk mengumumkan bahawa Neuralink berjaya melakukan implan peranti otak buat kali pertama dalam tubuh manusia. - ©BERNAMA

## Juruaudit syarikat rugi RM1.29 juta terperdaya pelaburan saham tidak wujud

**KUANTAN**, 31 Mac. - Seorang juruaudit syarikat mengalami kerugian RM1.29 juta akibat terperdaya dengan pelaburan saham tidak wujud yang ditawarkan menerusi aplikasi WhatsApp.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata wanita berusia 43 tahun itu dimasukkan dalam satu kumpulan WhatsApp pelaburan berkenaan pada 16 Julai 2024.

Beliau berkata mangsa yang juga seorang subkontraktor kemudiannya melabur RM50,000 dalam pakej asas dan menerima pulangan modal serta keuntungan RM49,000.

"Dalam tempoh 16 Januari hingga 25 Mac lepas pula, mangsa membuat 26 transaksi ke dalam lima akaun bank berbeza berjumlah RM1.29 juta.

Bagaimanapun, mangsa mula mengesyaki diperdaya selepas

diminta membuat pembayaran tambahan, yang kononnya sebagai caj pengeluaran keuntungan dianggarkan bernilai lebih RM3.1 juta," katanya dalam kenyataan hari ini.

Yahaya berkata mangsa yang melabur menggunakan wang simpanan, gadaian barang kemas dan pinjaman wang daripada rakan membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan semalam dan kes siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. - ©BERNAMA

## Wanita hamil diselamatkan dari runtuhan akibat gempa bumi di Mandalay

**MANDALAY (Myanmar)**, 31 Mac. - Pasukan penyelamat China berjaya mengeluarkan seorang wanita hamil dari runtuhan bangunan di Mandalay pada pagi Isnin, lapor Xinhua.

Menurut ketua skuad China Search and Rescue Team, Yue Xin, operasi menyelamat itu melibatkan gabungan pasukan mereka bersama pasukan penyelamat awam RAMUNION RESCUE.

Sepanjang misi itu, pasukan penyelamat terpaksa berdepan dengan beberapa gegaran susulan.

Yue berkata, gempa bumi berukuran 7.9 pada skala Richter yang melanda Myanmar pada Jumaat lalu telah menyebabkan kerosakan teruk pada bangunan tempat mangsa ditemukan.

"Kami berharap dapat membawa

sinar harapan kepada lebih ramai mangsa di sini," katanya.

Pada hari yang sama, pasukan penyelamat China turut berjaya menyelamatkan seorang lagi mangsa di Mandalay.

Sebanyak 118 anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Antarabangsa China (CISAR) tiba di Nay Pyi Taw pada malam Ahad.

Pasukan itu terdiri daripada pakar gempa bumi, jurutera struktur, anggota penyelamat, petugas perubatan serta unit anjing gesesen.

Mereka turut dilengkapi alat gesesen hayat, peralatan memotong dan sistem hospital lapangan.

CISAR, yang ditubuhkan pada 2001 merupakan pasukan penyelamat untuk tugas berat yang diiktiraf oleh Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan telah terlibat dalam lebih 20 misi bantuan antarabangsa.

Sementara itu, kumpulan pertama bantuan kemanusiaan kecemasan dari China untuk mangsa gempa bumi Myanmar telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing pada pagi Isnin.

Susulan permintaan kerajaan Myanmar, China bersetuju untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan bernilai 100 juta yuan (AS\$13.9 juta) bagi menyokong usaha pemuliharaan selepas bencana.

Menurut Agensi Kerjasama Pembangunan Antarabangsa China, bantuan awal yang dihantar merangkumi khemah, selimut dan kit pertolongan cemas. - ©BERNAMA

## Tragedi tikaman di Sydney : Tiga kanak-kanak, seorang wanita dikejarkan ke hospital

**SYDNEY**, 31 Mac. - Tiga kanak-kanak dan seorang wanita dikejarkan ke hospital selepas insiden tikaman di sebuah kediaman di barat laut Sydney, lapor Xinhua.

Pihak berkuasa menerima panggilan kecemasan sekitar 5.20 pagi waktu tempatan berhubung insiden itu sebelum sepasukan polis dan paramedik dikerahkan ke lokasi, kira-kira 23 kilometer dari pusat bandar Sydney.

Setibanya di tempat kejadian, polis menemukan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun, dua remaja perempuan berumur 13 dan 16 tahun, serta seorang wanita berusia 46 tahun, semuanya mengalami kecederaan akibat tikaman.

Menurut kenyataan polis, keempat-empat mangsa dipercayai mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Mereka menerima rawatan kecemasan di lokasi sebelum dihantar ke hospital berhampiran dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Sementara itu, laporan Australian Broadcasting Corporation maklumkan wanita berkenaan dibawa ke hospital dalam kawalan polis, dan siasatan awal mendapati tiada individu lain yang sedang diburu berhubung kes itu.

Pihak polis menutup kawasan kejadian dan sedang giat menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian. - ©BERNAMA

# PAETONGTARN ARAH SIASATAN SEGERA KEJADIAN BANGUNAN RUNTUH DI BANGKOK

**BANGKOK**, 1 April. - Perdana Menteri Thailand Paetongtarn Shinawatra mengarahkan menteri berkaitan menjalankan siasatan berhubung bangunan Pejabat Audit Negara (SAO) yang runtuhan susulan gempa bumi kuat pada magnitud 7.7 di Myanmar yang menyebabkan gegaran di ibu negara Thailand pada Jumaat lepas.

Paetongtarn menegaskan bahawa kegagalan sebuah bangunan sahaja boleh menjasikan imej negara dan Thailand perlu mampu menjelaskan kepada dunia mengenai apa yang berlaku.

"Saya sudah katakan sebelum ini - itu ini mesti ditangani dengan serius melalui semua proses yang sepatutnya. Walaupun hanya melibatkan satu bangunan, ia tetap memberi kesan kepada reputasi

Thailand.

Kita perlu mencari jawapan dan memberikan penjelasan kepada rakyat serta masyarakat antarabangsa mengenai kejadian ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Rumah Kerajaan pada Selasa.

Paetongtarn berkata sebelum sesi Kabinet bermula pada Selasa, para menteri telah membincangkan isu Pejabat Ketua Audit Negara yang runtuhan, termasuk punca kejadian serta cadangan daripada pelbagai kementerian.

Beliau mengesahkan bahawa bangunan yang runtuhan itu merupakan projek usaha sama antara syarikat Thailand dan China, namun menegaskan bahawa syarikat Thailand boleh bekerjasama dengan mana-mana negara dan tumpuan utama harus diberikan kepada aspek teknikal kejadian, bukannya menyalahkan berdasarkan negara asal.

"Ini mengenai akauntabiliti di tapak pembinaan, bukan tentang asal negara syarikat. Kita tidak mahu mana-mana negara salah faham bahawa kita menyalahkan mereka. Ini adalah soal keselamatan pembinaan dan tanggungjawab," katanya.

menumpukan kepada negara asal syarikat pembinaan, sebaliknya menyiasat semua projek yang dikendalikan syarikat terbabit.

Beliau mengesahkan bahawa bangunan yang runtuhan itu merupakan projek usaha sama antara syarikat Thailand dan China, namun menegaskan bahawa syarikat Thailand boleh bekerjasama dengan mana-mana negara dan tumpuan utama harus diberikan kepada aspek teknikal kejadian, bukannya menyalahkan berdasarkan negara asal.

"Ini mengenai akauntabiliti di tapak pembinaan, bukan tentang asal negara syarikat. Kita tidak mahu mana-mana negara salah faham bahawa kita menyalahkan mereka. Ini adalah soal keselamatan pembinaan dan tanggungjawab," katanya.

Paetongtarn turut mengarahkan siasatan bagi menentukan sama ada keluli tidak berkualiti telah diedarkan di tempat lain selepas mendapat bahan binaan yang digunakan tidak memenuhi standard kualiti.

Sementara itu, Pusat Perubatan Kecemasan Bangkok, lebih dikenali sebagai Pusat Erawan, melaporkan pada Selasa bahawa jumlah korban di ibu negara Thailand akibat bencana itu meningkat kepada 20 orang, dengan 34 cedera dan lebih 70 masih hilang.

Menurut pusat tersebut, kebanyakannya kematian berlaku daripada bangunan Pejabat Audit Negara yang runtuhan di Daerah



Chatuchak, di mana 13 mayat telah ditemukan setakat ini.

"Sehingga pukul 8 pagi hari ini (Selasa), 13 kematian telah dilaporkan, manakala lebih 70 orang masih hilang di bangunan Pejabat Audit Negara yang runtuhan," katanya.

Pada Jumaat lepas, tapak pembinaan bangunan baru Pejabat Audit Negara, yang terletak di Daerah Chatuchak berhampiran Stesen Besar Bang Sue, runtuhan selepas gegaran kuat akibat gempa bumi di Myanmar. - ©BERNAMA

## Ethiopia lancar kempen vaksinasi kolera untuk sejuta penduduk berisiko

**ADDIS ABABA**, 1 April. - Kerajaan Ethiopia melancarkan kempen vaksinasi kolera di bahagian barat daya negara itu, menasarkan kira-kira sejuta penduduk berisiko, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Ahad, Kementerian Kesihatan Ethiopia memaklumkan bahawa vaksinasi itu akan dilaksanakan di semua zon di Wilayah Gambella serta kem pelarian sepanjang minggu depan.

Pelaksanaan kempen itu dibuat susulan gesaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pelbagai agensi kemanusiaan lain untuk meningkatkan usaha menangani wabak kolera yang sedang menular dengan pantas di Wilayah Gambella, yang bersempadan dengan Sudan Selatan.

Menteri Kesihatan Ethiopia Mekdes Daba, ketika berucap pada majlis pelancarannya menegaskan bahawa selain memperluaskan

akses kepada vaksin kolera, penjagaan kebersihan diri dan persekitaran adalah langkah pencegahan penting bagi mengelakkan penularan wabak itu.

Sementara itu, badan perubatan antarabangsa Médecins Sans Frontières (MSF) pada Isnin memberi amaran bahawa krisis kemanusiaan semakin meruncing di keduanya bahagian sempadan Sudan Selatan-Ethiopia, susulan peningkatan keganasan, pemindahan penduduk secara besar-besaran serta penularan wabak kolera yang meluas.

MSF juga memaklumkan bahawa Sudan Selatan telah berdepan dengan wabak kolera sejak tahun lepas, dan gelombang terbaru yang bermula di Negeri Upper Nile kini semakin merebak ke seluruh negara serta menyeberangi sempadan ke Wilayah Gambella, Ethiopia.

WHO turut memberi amaran mengenai penyebaran pantas di Wilayah Gambella. - ©BERNAMA

wabak itu, dengan menyatakan bahawa kes pertama dikesan di Daerah Akobo, Gambella, awal bulan lepas sebelum menular ke lapan daerah dan empat kem pelarian.

Agensi kemanusiaan menyeru agar sokongan segera diberikan kepada kemudahan kesihatan serta penyediaan bekalan air bersih, kerana bekalan air yang tidak selamat serta tahap kebersihan dan sanitasi yang tidak mencukupi telah memburukkan lagi penularan wabak kolera.

Mereka turut menekankan bahawa pertempuran yang semakin memuncak antara tentera kerajaan dan kumpulan bersenjata di Negeri Upper Nile, Sudan Selatan, telah menyebabkan peningkatan pergerakan rentas sempadan, dengan pelarian dan individu yang cedera melarikan diri ke Ethiopia, sekali gus memburukkan lagi wabak kolera di Wilayah Gambella. - ©BERNAMA

## Mahkamah Korea Selatan putuskan pendakwaan Yoon pada Jumaat

**SEOUL**, 1 April. - Mahkamah Perlembagaan Korea Selatan akan mengumumkan keputusan berhubung pendakwaan Presiden Yoon Suk Yeol berkaitan percubaan singkatnya melaksanakan undang-undang tentera, pada pukul 11 pagi Jumaat ini.

Keputusan itu akan diumumkan daripada mahkamah dan siaran secara langsung dibenarkan, selain kehadiran orang awam, lapor Agensi Berita Yonhap yang memetik notis dikeluarkan mahkamah kepada pihak akhbar pada Selasa.

Yoon telah didakwa oleh parlimen atas pertuduhan melanggar perlumbagaan dan undang-undang melalui pelaksanaan undang-undang tentera dalam masa singkat pada 3 Disember lepas.

Sepanjang perbicaraan, Yoon didakwa mengarahkan tentera ke parlimen bagi menghalang penggubal undang-undang daripada membatalkan dekrit berkenaan dalam tempoh enam

jam ia berkuat kuasa serta mengarahkan penahanan ahli politik terkemuka, antara lain.

Bagaimanapun, Yoon menafikan sebarang salah laku dan menegaskan bahawa arahan itu bertujuan memberi amaran kepada parti pembangkang utama yang didakwanya menyalahgunakan kuasa legislatif.

Menurut perlumbagaan, sekurang-kurangnya enam daripada lapan hakim diperlukan untuk menyokong usul pendakwaan. Jika usul itu diluluskan, Yoon akan disingkirkan daripada jawatan presiden. Jika ditolak, beliau akan kembali berkhidmat sehingga tamat penggalnya pada Mei 2027.

Selain perbicaraan pendakwaan yang telah berakhir dengan sesi pendengaran terakhir pada 25 Februari, Yoon juga berdepan perbicaraan jenayah atas dakwaan menghasut pemberontakan melalui pelaksanaan undang-undang tentera.

Beliau telah ditahan oleh

penyiasat pada Januari dan ditahan di pusat tahanan sehingga 8 Mac, sebelum dibebaskan susulan keputusan mahkamah yang menyatakan penahanannya tidak sah.

Sementara itu, Yonhap memetik sumber melaporkan bahawa polis telah bersiap sedia dengan menempatkan kira-kira 14,000 anggota di Seoul pada Jumaat ini.

Ketika ini, polis diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga pada tahap tertinggi yang dikenali sebagai 'Gapho' dan menempatkan semua anggota yang tersedia dalam keadaan siap siaga.

Polis juga akan menahan serta-merta mana-mana individu yang cuba menceroboh kawasan Mahkamah Perlembagaan dan meningkatkan kawalan keselamatan ke atas semua hakim mahkamah berkenaan.

Menurut pasukan guaman Yoon, keputusan masih belum dibuat sama ada beliau akan menghadiri sesi pengumuman keputusan itu pada Jumaat ini. - ©BERNAMA

## Kebakaran saluran gas : Lima mangsa dikejarkan ke Hospital Putrajaya

**PUTRAJAYA**, 1 April. - Lima mangsa kebakaran akibat kebocoran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni Putra Heights Subang Jaya, Selangor, dihantar ke Hospital Putrajaya untuk mendapatkan rawatan, setakat ini.

Bernama difahamkan kesemua mangsa tiba di hospital berkenaan antara pukul 8 pagi hingga 9 pagi tadi.

Kesemua mereka mengalami pelbagai tahap kecederaan dan keadaan mangsa masih dalam pemantauan pasukan perubatan.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar dilaporkan berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 8.10 pagi.

Menurut beliau, kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas sepanjang kira-kira 500 meter, dengan api marak menjulang tinggi dan operasi pemindahan penduduk turut dijalankan bagi memastikan keselamatan penduduk sekitar.

Tinjauan Bernama mendapati kebanyakan mangsa yang mengalami kecederaan ringan ditempatkan di kuil Sri Maha Kali Amman, Subang Jaya untuk menerima rawatan awal daripada petugas Kementerian Kesihatan (KKM).

Setakat 11 pagi, sebanyak 30 orang menerima rawatan awal dan beberapa orang dihantar ke Hospital Serdang, Putrajaya dan Cyberjaya untuk rawatan lanjut.

Kerajaan Selangor telah mengaktifkan pusat pemindahan sementara (PPS) di Masjid Putra Heights bagi menyediakan tempat perlindungan sementara kepada mangsa.

Selain masjid itu, Masjid Al-Falah USJ 9 di Subang Jaya turut menawarkan premisnya kepada individu atau keluarga yang terkesan yang memerlukan tempat untuk berhati-hati serta berlindung sementara. - ©BERNAMA

## Pusat pengedaran Tesla di Rom terbakar

**ROM**, 1 April. - Sebuah pusat pengedaran Tesla di pinggir Rom terbakar awal Isnin, mengakibatkan sekurang-kurangnya 17 kenderaan elektrik musnah, menurut pihak berkuasa tempatan.

Kebakaran yang dilaporkan berlaku sekitar 4.30 pagi waktu tempatan (0230 GMT) itu memusnahkan 17 kenderaan di bilik pameran serta merosakkan sebahagian struktur pusat pengedaran itu, meskipun pasukan bomba dan polis bertindak pantas.

Jabatan Bomba Rom memaklumkan kepada Xinhua bahawa siasatan sedang dijalankan dengan kemungkinan perbuatan khianat turut diambil kira. Bagaimanapun, masih terlalu awal untuk menentukan punca sebenar kebakaran.

"Kami tidak menolak sebarang kemungkinan pada peringkat ini, termasuk perbuatan khianat," kata jurucakap jabatan bomba.

Pihak berkuasa juga sedang meneliti rakaman sekurang-kurangnya tujuh kamera litar tertutup serta menjalankan pemeriksaan di lokasi kejadian bagi mengumpul bukti.

Sementara itu, media tempatan membuat spekulasi kebakaran itu mungkin berkaitan dengan perbuatan khianat atau protes oleh kumpulan anarki.

Kebakaran di Rome itu berlaku susulan satu serangan berasingan terhadap kemudahan Tesla di Jerman awal bulan ini. Pada 5 Mac, kumpulan ekstremis alam sekitar yang menggelarkan diri mereka sebagai 'Kumpulan Volcano' mengaku bertanggungjawab atas serangan arson terhadap stesen pencawang elektrik berhampiran gigafactory Tesla di Berlin.

Kejadian itu menyebabkan gangguan bekalan elektrik berskala besar dan memaksa pekerja kilang dipindahkan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Elon Musk menjadi tumpuan di Eropah dalam beberapa minggu kebelakangan ini selepas secara terbuka menyuarakan sokongan kepada parti politik sayap kanan Jerman, AfD.

Hubungannya yang rapat dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump, yang telah mengumumkan tarif dan dijangka mengenakan satu lagi set tarif baharu terhadap rakan dagang termasuk sekutu Eropah, turut menarik perhatian antarabangsa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## NOE ROTH RANGKUL JUARA THE MEN'S AERIALS

**ST. MORITZ**, 1 April. - Noe Roth dari Switzerland merangkul gelaran juara The Men's Aerials, The 2025 FIS World Freestyle Ski Championships pada Ahad, 30 Mac yang lalu, memberikan terjuran dan lompatan yang sempurna sekali gus meraih 143.31 mata pada perlawanan akhir kejohanan tersebut.

Juara, yang menduduki tempat

kedua dalam Final 1, mempertahankan gelaran juaranya dengan markah tertinggi pada kejohanan tersebut. Noe telah berjaya menewaskan pesaingnya Quinn Dehlinger dari Amerika Syarikat (123.53 mata) dan rakan senegaranya, Pirmin Werner dari Switzerland (107.12 mata) yang masing-masing menduduki tempat kedua dan

ketiga. Manakala dalam The Women's Aerials, Kaila Kuhn dari Amerika Syarikat mendominasi Final 2, sebagai atlet tunggal melepas 100 mata, memperoleh emas dengan mendapat mata, 105.13. Dengan kemenangannya itu, Kaila Kuhn menambahkan lagi kemenangan bagi pasukan campurannya sebelum ini.



KAILA Kuhn dan Noe Roth masing-masing memenangi The Women's Aerials dan The Men's Aerials pada The 2025 FIS World Freestyle Ski Championships, Switzerland.

Pemain dari China, Xu Mengtao meraih pingat perak (99.16 mata) manakala pemain dari Australia, Danielle Scott meraih pingat gangsa. Dua lagi atlet China mara

ke peringkat Final 2, di mana Chen Xuezheng berada di kedudukan keempat dan Shao Qi akur di kedudukan keenam. - ©XINHUA

## Gandingan bersama Ee Wei suntik lebih keyakinan buat Bing Kun

**KUALA LUMPUR**, 1 April. - Pemain beregu campuran negara Loo Bing Kun menyifatkan gandingan bersama pasangan baharu Toh Ee Wei bakal menambah keyakinannya untuk beraksi pada kejohanan antarabangsa.

Atlet berusia 21 tahun itu berkata beliau akan memanfaatkan peluang bergandingan bersama Ee Wei untuk menimba ilmu, memandangkan pasangan yang juga seniormya itu mempunyai pengalaman lebih luas.

"Jika dengan gandingan sebelum ini, saya yang perlu bimbang pasangan saya, tapi kali ini dengan Ee Wei dia lebih senior, pengalaman lebih luas, saya lebih yakin untuk kejohanan akan datang."

Saya bergandingan dengan Ee Wei untuk empat atau lima kejohanan bagi melihat keserasian. Jadi dalam tempoh singkat ini memberikan peluang kepada saya

menimba ilmu sebanyak mungkin. Diharapkan saya dapat melangkah ke tahap lebih baik," katanya selepas menjalani latihan di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di sini hari ini.

Atlet kelahiran Pulau Pinang itu juga berkata masih banyak perkara perlu ditambah baik bagi memastikan keserasian bagi menghadapi kejohanan akan datang.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan dirinya berdepan beberapa tekanan apabila digandingkan dengan Ee Wei yang berada di ranking keempat dunia, menjangkakan beberapa ekspektasi tinggi daripada jurulatih.

"Tapi saya sudah berbincang dengan jurulatih dan Ee Wei mengenai tekanan ini dan mereka akan membantu saya untuk atasnya," katanya.

Jumaat lepas, Persatuan

Badminton Malaysia (BAM) mengesahkan Chen Tang Jie-Ee Wei dipisahkan bagi kejohanan akan datang berdasarkan cadangan daripada panel jurulatih, termasuk Pengarah Kejurulatihan Beregu Rexy Mainaky dan Ketua Jurulatih Beregu Campuran Nova Widianto.

Ia selepas pasangan itu digantung sementara daripada menyertai mana-mana kejohanan, susulan ketegangan dalam hubungan selain memberi ruang kepada menyelesaikan isu antara mereka.

Rexy kemudian mengumumkan Tang Jie akan bergandingan dengan Chan Wen Tse sementara dalam beregu lelaki, beliau akan digandingkan dengan Wong Vin Sean.

Ee Wei pula akan berpasangan dengan Loo Bing Kun dalam lima kejohanan bermula Mei ini. - ©BERNAMA

## Senarai Skuad Piala Sudirman dijangka umum Jumaat ini - Nova

**KUALA LUMPUR**, 1 April. - Senarai nama skuad yang akan menggalas cabaran negara ke Kejohanan Badminton Piala Sudirman 2025 dijangka diumum Jumaat ini.

Perkembangan baharu itu dimaklumkan jurulatih beregu negara Nova Widianto yang memaklumkan barisan jurulatih belum memutuskan senarai pendek pasukan negara untuk beraksi di kejohanan yang dijadualkan berlangsung di Xiamen, China bermula 27 April hingga 4 Mei.

"Sekarang masih ada senarai panjang, belum muktamad. Mungkin umum 3 April, mungkin Jumaat," katanya kepada pemberita selepas sesi latihan skuad negara di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di sini hari ini.

Malaysia diundi dalam Kumpulan C bersama naib juara tiga kali, Jepun, Australia serta wakil Eropah yang sedang meningkat naik, Perancis.

Untuk rekod, Malaysia tidak pernah memenangi kejohanan berpasukan campuran yang mula dianjurkan sejak 1989 itu dengan pencapaian terbaik adalah mara ke separuh akhir pada edisi 2009, 2021 dan 2023.

Sementara itu, China selaku tuan rumah dan juara bertahan bagi kejohanan dwitahunan itu diundi dalam Kumpulan A bersama Thailand, Hong Kong serta Afrika, Algeria. - ©BERNAMA

## Impian Olimpik, minat terpendam jaguh skuasy negara Sivasangari

**KUALA LUMPUR**, 1 April. - Bagi kebanyakan atlet, kehidupan mereka lazimnya lebih banyak berkisar kepada latihan dan bertanding di peringkat antarabangsa, menjadikan ruang untuk minat peribadi agak terhad.

Bintang skuasy negara, S. Sivasangari tidak terkecuali, dalam usahanya mengejar impian beraksi di pentas Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28), hari-harinya dipenuhi dengan sesi

latihan dan jadual kejohanan yang padat.

Namun, siapa yang sangka di sebalik kehebatannya di gelanggang, atlet berusia 26 tahun kelahiran Sungai Petani ini mempunyai minat terpendam iaitu melukis dan menghayati keindahan alam semula jadi.

"Saya suka mewarna atau melukis. Saya juga suka mendaki kerana saya sukakan alam semula jadi," katanya kepada

Bernama. Ketika ditanya mengenai kerjaya pilihannya jika tidak menceburii bidang sukan, beliau berkata : "Saya mahu menjadi seorang doktor".

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Siva, memiliki Sarjana Muda Sains Komunikasi Massa dan Pengajian Media dari Universiti Cornell di New York pada 2023, dan kini mengejar impian sebagai pemain skuasy profesional sepenuh masa.

Bakal membuat penampilan sulung di Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28), Sivasangari sedar saingan lebih sengit bakal menanti berikutnya banyak negara juga mahu memburu pingat yang bersejarah itu. Juara Sukan Asia itu berkata laluan ke LA28 sungguh berliku, menuntut ketekunan dan dedikasi yang kental.

"Semua mata tertumpu kepada Olimpik, tetapi ia adalah satu

perjalanan yang memerlukan usaha berterusan. Kami masih mempunyai tiga tahun lagi untuk memperbaiki dan berusaha mencapai impian itu. Sepanjang tempoh itu, saya dan pesaing akan bertanding dalam pelbagai kejohanan profesional. Kejohanan ini penting, bukan sahaja untuk menimba pengalaman, tetapi juga untuk memperbaiki kedudukan ranking kami," katanya. - ©BERNAMA